

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 1hb. Ogos, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARI DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

**[Setiausaha membacakan Perutusan]**

"31hb. Julai, 1996

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996;
2. Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996; dan

3. Rang Undang-undang Institut Teknologi Mara (Pindaan) 1996.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat"

### **URUSAN MESYUARAT**

#### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiga di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996;
2. Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996; dan
3. Rang Undang-undang Institut Teknologi Mara (Pindaan) 1996.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### **MESYUARAT DEWAN NEGARA - PENAMBAHAN HARI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya sidang kita kali ini disambungkan sehari lagi, sampai 8hb. Ogos, 1996 iaitu hari Khamis. Ini adalah atas permintaan daripada pihak kerajaan. Jadi, haraplah dicatatkan dalam jadual ataupun diary supaya memastikan Ahli Yang Berhormat masih berada di sini pada hari Khamis minggu depan.

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari.

**Tuan Haji Othman bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin,  
Soalan No. 1.

**ANGGOTA TENTERA BERKHIDMAT DI BOSNIA - BAYARAN  
ELAUN**

1. **Tuan Haji Othman bin Yunus [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah anggota tentera Malaysia yang berkhidmat di Bosnia dan kemudahan serta bayaran elaun yang mereka terima, pegawai dan lain-lain pangkat. Adakah perbelanjaan ini ditanggung oleh PBB atau Kerajaan Malaysia?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Pertahanan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anggota tentera Malaysia yang sedang berkhidmat di Bosnia adalah seramai 1,528 orang anggota iaitu 103 orang pegawai dan 1,425 orang lain-lain pangkat.

Anggota tentera Malaysia yang berkhidmat di Bosnia diberikan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan oleh PBB. Kadar elaun adalah sama antara pegawai dan lain-lain pangkat. Secara amnya kadar elaun adalah seperti berikut:

**Jenis Elaun**

**Kadar (USD)**

**Kadar (RM) sebulan**

(a)	Elaun Misi	988.00/bulan	2,470.00
(b)	Elaun Kepakaran	29.00	72.50
(c)	Elaun Harian	1.29/hari	96.75
(d)	Elaun Cuti	14.29/bulan	35.76
(e)	Elaun pakaian, peralatan & senjata	70.00/bulan	175.00
			=====
		<b>Jumlah</b>	<b>2,850.01</b>
			=====

Sepanjang penugasan ATM di Bosnia bawah UNPROFOR sejak September 1993, segala perbelanjaan ditanggung oleh PBB.

#### **PENGGUNA JALAN RAYA - HUKUMAN DENDA/KOMPAUN**

2. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) sama ada cara mendenda dan kompaun oleh penguatkuasa JPJ serta pihak polis dapat mengubah sikap para pengguna jalan raya; dan
- (b) setakat ini apakah langkah yang sedang dan akan disusun oleh pihak kementerian melalui JPJ agar mereka dapat lebih berfungsi sebagai teman yang boleh membantu selain dari bertindak sebagai penguatkuasa yang sering dianggap hanya lebih suka mencari kesilapan dan kesalahan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan mendapati bahawa tindakan penguatkuasaan dengan mendenda dan mengkompaun memang sedikit sebanyak memberi kesan terhadap sikap pengguna-pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang ini diiringi dengan tindakan-tindakan pendidikan melalui

ceramah, pameran dan kempen-kempen, malah pendidikan keselamatan jalan raya merupakan salah satu aspek yang ditekankan oleh kerajaan bukan sahaja terhadap pemandu-pemandu dan pemilik-pemilik kenderaan tetapi juga kepada bakal-bakal pemandu dan tuan empunya kenderaan iaitu kanak-kanak sekolah.

- (b) Selain daripada bertindak sebagai pihak penguatkuasa, pihak JPJ juga sememangnya berfungsi sebagai teman yang membantu pengguna-pengguna jalan raya. Ini dapat dilihat semasa tempoh penyesuaian ataupun peralihan kepada sesuatu undang-undang atau peraturan baru di mana pihak JPJ mengambil tindakan untuk memberi ceramah dan pendidikan kepada pengguna jalan raya agar mereka dapat memahami, menghayati dan juga mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan baru yang diperkenalkan tersebut.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Mengapakah pihak penguatkuasa JPJ dan pihak Polis tidak ada perhubungan persefahaman supaya tidak menjalankan dua sekatan jalan raya di satu jalan yang sama yang menyusahkan pengguna jalan raya?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak benar iaitu pihak polis dan pihak JPJ tidak mempunyai satu koordinasi, sebenarnya anggota-anggota JPJ dan juga polis memang memainkan peranan persendirian di bawah kuasa yang tertentu yang diberikan kepada pihak polis dan pada masa

yang sama pihak JPJ dapat menjalankan tugas mereka di bawah Akta Pengangkutan Jalan.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, mulai daripada 12hb. Ogos ini, pihak JPJ akan menyaman pemandu-pemandu yang menggunakan telefon bimbit. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan, di bawah peruntukan manakah saman-saman ini akan dikeluarkan, kerana kita tidak mahu apabila kerajaan menjalankan sesuatu hal selepas itu ianya dipertikaikan di mahkamah sepetimana usaha JPJ menahan mereka yang membaharu cukai jalan. Bagi mereka yang ada kes dengan polis - JPJ tahan, tetapi mereka ini menyaman balik kerajaan di mahkamah. Jadi, di bawah peruntukan manakah saman ini akan dikeluarkan?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu peraturan baru tidak membenarkan panggilan dengan menggunakan telefon bimbit ketika memandu akan dikuatkuasakan mulai 12hb. Ogos 1996.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peraturan-peraturan yang tidak membenarkan membuat panggilan semasa ataupun ketika memandu kereta adalah di bawah kaedah-kaedah peraturan lalu lintas, yang mana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berhak untuk menetapkan kaedah-kaedah seumpama ini dan saya percaya Kementerian Pengangkutan telah pun meneliti

undang-undang dan tidak akan membangkitkan sebarang masalah. Walau bagaimanapun terdapat satu kes di negeri Terengganu yang mana seorang telah menyaman balik kerajaan, tetapi kes itu masih tidak selesai lagi, masih dibicarakan tetapi ini tidak bermaksud oleh kerana ada kes yang dibawa oleh pihak tersebut, maka pihak kerajaan telah disalahkan dalam menjalani tugas.

### **TEKNOLOGI NUKLEAR DALAM SEKTOR PERUSAHAAN - KAJIAN PENGGUNAAN**

3. **Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan walaupun negara kita adalah negara anti senjata nuklear, tetapi, apakah pandangan kementerian terhadap pengembangan dan pengajian penggunaan nuklear dalam sektor perusahaan. Apakah pandangan kerajaan terhadap penjanaan kuasa tenaga nuklear sebagai sumber tenaga utama.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pengembangan dan pengajian penggunaan teknologi nuklear di negara ini adalah diterajui oleh Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT). Penggunaannya sangat meluas melibatkan berbagai sektor, termasuk perubatan dan penjagaan kesihatan, perusahaan perindustrian, pertanian dan alam sekitar.

Di dalam sektor perusahaan perindustrian, penggunaan teknologi nuklear telah dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Beberapa proses baru seperti pemvulkanan lateks getah asli menggunakan radiasi dan pemprosesan takai kosong kelapa sawit menjadi makanan haiwan telah dibangunkan oleh Malaysian Institute of Nuclear Technology (MINT).

Penyelidikan awal dalam taut-silang bahan polimer atau plastik menggunakan teknologi nuklear untuk menghasilkan produk yang tahan kepada persekitaran yang lasak dan haba yang tinggi menunjukkan keputusan yang sangat menggalakkan. Dalam teknologi rawatan penyalutan permulaan dengan menggunakan teknologi nuklear, penggunaan bahan mentah tempatan iaitu minyak kelapa sawit tersintesis digunakan bagi menghasilkan produk baru telah dibangunkan.

Dalam perusahaan petroleum, teknologi nuklear melalui teknologi ujian tanpa musnah terus memperlihatkan kemampuan dan kemajuan yang dibanggakan dan sekali gus menaikkan kualiti komponen-komponen kejuruteraan yang diuji.

Di samping pembangunan teknologi, pengetahuan dan kepakaran di bidang teknologi nuklear dalam sektor perusahaan juga telah diperkuuhkan melalui program latihan yang dianjurkan oleh MINT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai penjanaan kuasa tenaga nuklear sebagai sumber tenaga, kerajaan mempunyai pandangan bahawa sumber ini masih merupakan pilihan terakhir dalam Polisi Tenaga Negara (National Energy Policy), dengan izin.

#### **KEDAI BEBAS CUKAI MENGENAKAN HARGA MAHAL - TINDAKAN KEMENTERIAN**

4. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kedai bebas cukai (selain daripada rokok & alkohol) didapati

pada keseluruhannya adalah mahal berbanding dengan kedai di luar, adakah Kementerian Kewangan menyedari perkara ini dan apakah tindakan yang akan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang terdapat pada konsep kedai bebas cukai, barang-barang yang dijual di kedai tersebut adalah tidak mempunyai elemen duti/cukai (duti import termasuk duti eksais dan juga cukai jualan). Oleh itu, pada keseluruhannya harga barang berkaitan adalah lebih murah jika dibandingkan dengan barang yang sama iaitu yang berdutti, yang dijual di kedai bukan bertaraf bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun lesen kedai bebas cukai diluluskan oleh Kementerian Kewangan, kawalan ke atas harga jualan barang-barang bebas cukai adalah di luar bidang kuasa kementerian ini.

**JABATAN AGAMA ISLAM DI SELURUH NEGARA -  
PENYELARASAN PENTADBIRAN**

5. **Tuan Haji Ghazali bin Embong** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang pentadbiran Jabatan Agama di seluruh negara diselaraskan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang telah, sedang dan akan terus melaksanakan penyelarasaran pentadbiran Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, ia dilaksanakan dalam

lingkungan yang tidak menjaskankan bidang kuasa kerajaan negeri yang sedia ada berkaitan dengan hal ehwal agama Islam.

Kerajaan percaya usaha penyelarasan itu adalah suatu keperluan yang terus menerus. Di antaranya ialah menyeragamkan hal-hal keagamaan seperti hukuman, fatawa, undang-undang, pengurusan zakat dan baitulmal, pengurusan masjid dan sebagainya, dengan cara ini segala pengurusan agama Islam akan berjalan dengan lancar, mudah dan lebih kemas.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, berapa kali lagi hendak jawab ‘telah, sedang dan akan’, hal-hal penyelarasan agama Islam dan berapa kali

hendak jawab ‘bahawa ini adalah kuasa kerajaan negeri’ dan berapa kali lagi hendak jawab ‘akan dipinda’. Sebab ianya memang bermasalah, contohnya di Kelantan menggunakan majlis agama demi kepentingan politik tertentu dan bila bertukar boleh diguna pula, sedangkan perkara ini perlu diambil tindakan.

Saya mahu tahu, Tuan Yang di-Pertua, dengan tegas dari segi penjadualan bila, saya tidak mahu dengar lagi dalam Dewan ini ‘telah, sedang dan akan’.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini akan terus hingga ke hari Kiamat. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila hari Kiamat itu?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Wallahualam. Hakikatnya apa sahaja perkara yang kita buat di atas muka bumi ini memang sampai bila-bila tidak akan selesai. Tambahan pula negeri kita memang ada peruntukan undang-undang bagi pihak negeri, selagi ada undang-undang bagi negeri-negeri tertentu, maka selagi itulah perkara-perkara tertentu dijalankan oleh pihak negeri. Pihak BAHEIS hanya cuba menyelaraskan sebaik mungkin perkara-perkara yang difikirkan sesuai. Alhamdulillah banyak di antara perkara-perkara yang kita telah mendapat kerjasama daripada negeri-negeri. Insya-Allah saya percaya banyak perkara lagi dapat kita selesaikan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang akan dilakukan ataupun telah dilakukan oleh kerajaan terhadap penyebaran ajaran syiah di negara kita ini termasuk juga di negeri Kelantan. Adakah kerajaan bercadang untuk bertindak sama seperti dilakukan ke atas Al-Arqam?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, ajaran ataupun pegangan syiah memang pada mulanya dibenarkan oleh Islam kerana keadaan-keadaan tertentu, apabila kelonggaran yang diberikan digunakan oleh orang-orang tertentu tidak berpegang kepada yang sebenar, maka pihak pemimpin Islam yang selepas Rasulullah telah menetapkan bahawa pegangan syiah itu adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Tetapi oleh kerana, pegangan dan ajaran ini telah meluas bukan sahaja oleh negeri-negeri tertentu bahkan di mana sahaja pengikut-pengikutnya ada, maka perkara ini telah merebak.

Bagi negara kita, memanglah kita berpegang kepada ahlil sunnah wal jamaah, sebab itu kita melarang orang-orang mengikut syiah kerana syiah sekarang ini adalah merupakan pegangan politik bukan lagi masalah agama kerana memuja seseorang pemimpin keterlaluan bahkan menghukum orang lain yang tidak memegang syiah, kadangkala dihukum sebagai orang kafir dan sebagainya. Kita takut perkara itu akan berlaku satu pergaduhan sehingga yang ahli sunnah haps di atas muka bumi dan pemegang syiah pun hilang, jadi, tidak membawa keuntungan kepada sesiapa. Sebab itu, dalam pegangan ini banyaklah terserah kepada individu yang mesti tahu mana yang benar dan mana yang tidak. Inilah yang paling baik, maka kita mengharapkan siapa yang berpegang kepada ahlil sunnah wal jamaah adalah lebih betul, adalah lebih berhak daripada sesiapa yang berpegang kepada syiah yang kita

tekankan supaya kita tidak mengembangkan ajaran ataupun pegangan syiah di negara kita.

#### **SISTEM KAWALAN KESELAMATAN NEGARA - KEUPAYAAN**

6. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kerajaan dapat memastikan bahawa sistem keselamatan negara sukar dibolosi dan tindakan pengesanan segera.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai pelbagai kaedah bagi menghadapi ancaman-ancaman ke atas keselamatan negara seperti ancaman-ancaman yang melibatkan pencerobohan unsur-unsur tentera asing, ancaman ketenteraan, penyusupan pendatang haram, penyeludupan dadah, senjata api dan sebagainya.

Kerajaan akan sentiasa meningkatkan keupayaan sistem keselamatan negara dalam semua aspek terutama dari segi peralatan dan kecekapan anggota-anggota yang terlibat, agar pertahanan negara akan lebih mantap lagi.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan wujudnya beberapa insiden dari segi pencerobohan kawasan sempadan terutama sekali di sebelah Sabah, Sarawak dan juga di utara di antara Thailand dengan negara kita, adakah pihak kerajaan bercadang untuk hendak mewujudkan satu sistem yang lebih canggih di mana ianya mempunyai electronic device, dengan izin, alat-alat elektronik bagi menentukan supaya ianya dapat dikesan dengan secepat mungkin untuk kita bertindak dengan secepat mungkin?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang dari semasa ke semasa ada mengkaji dan meneliti segala kelemahan ataupun apa-apa insiden yang berlaku dan dengan serta merta kita memperkuatkan lagi semua sistem sama ada pertahanan ataupun pencegahan dan bukan sahaja alat-alat canggih, di mana boleh kita menggunakan sistem risikan juga sentiasa berjaga-jaga. Di samping itu, salah satu cara yang penting ialah saluran diplomatik antara Malaysia dengan negara-negara yang berkaitan. Kita sentiasa ada perbincangan yang rapat supaya jika berlaku apa-apa pencerobohan atau berlaku apa-apa salah faham kita selesaikan dengan secepat mungkin.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan soal keselamatan ini adalah satu perkara yang penting dan sangat sensitif, baru-baru ini timbul satu kekecohan di mana jet-jet daripada Singapura telah melanggar masuk ke dalam ruang udara di Malaysia, di Johor dan saya terbaca dalam akhbar bahawa Kerajaan Singapura sedang menunggu laporan daripada Kerajaan Malaysia dan di dalam kenyataan itu juga disebut bahawa mereka mempunyai suatu perjanjian di mana jet-jet Singapura ini boleh memasuki ruang udara Johor.

Saya juga mendengar cakap-cakap, saya tak tahu lah sama ada perkara ini benar atau tidak, bahawa perkara-perkara sulit berhubung dengan keselamatan dalam negara kita ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Abu Bakar, sila singkatkan, terus kepada soalan!

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya. Sebenarnya, telah diketahui oleh pihak lain terlebih dahulu, sejauh mana pihak kerajaan serius berkenaan dengan masalah keselamatan ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sangat serius dan sangat peka pada masalah keselamatan. Kalau keselamatan tidak terjamin, saya rasa kerajaanlah tidak akan terjamin, bukan sahaja rakyat. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sebenarnya Kementerian Pertahanan dan Wisma Putra selama ini berurus dengan rapi dan telah mengambil langkah-langkah yang sesuai.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, bukan soalan tambahan, soalan asal.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya pun hendak tanya dengan Dato', adakah izinkan saya membuat soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah, pergi kepada soalan asal.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Nombor 7.

#### **PEMBANTU RUMAH - STATUS DAN KEMUDAHAN**

7. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) adakah kerja pembantu rumah dikategorikan sebagai pekerjaan di bawah Ordinan Buruh. Berapakah bilangan pembantu rumah berdaftar di Malaysia; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai perancangan untuk melatih pembantu-pembantu rumah supaya anak-anak dijaga oleh pekerja yang terlatih.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji**

**Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seorang pembantu rumah adalah disifatkan sebagai pekerja di bawah Akta Kerja 1955 yang terpakai di Semenanjung Malaysia dan berhak mendapat perlindungan di bawah Akta tersebut. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab nyata beberapa peruntukan tertentu Akta Kerja 1955, misalnya mengenai hari rehat, tempoh masa kerja, hari kelepasan dan sebagainya adalah tidak terpakai kepada mereka dan perkara ini sedang diperkemaskan dalam pindaan kepada Akta Kerja yang sedang diproses sekarang ini.

Namun begitu, pembantu rumah yang rasa tidak berpuas hati berhubung dengan perkara-perkara penggajian ataupun syarat-syarat penggajian mereka, bolehlah

mendapat nasihat dan panduan daripada Jabatan Buruh buat sementara waktu. Sehingga 1hb. Mei, 1996, bilangan pembantu rumah rakyat asing yang bekerja secara sah di negara ini berjumlah 68,548 orang. Kementerian tidak menyimpan rekod pembantu rumah rakyat tempatan kerana mereka tidak diperlukan untuk berdaftar dengan mana-mana agensi.

- (b) Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk mengadakan latihan khusus untuk pembantu-pembantu rumah. Hal latihan ini wajar diterokai oleh pihak sektor swasta selaras dengan seruan kerajaan supaya sektor swasta mempertingkatkan penglibatan mereka dalam bidang latihan. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan Malaysia menjalankan kursus untuk pengasuh-pengasuh Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)

**Tuan Ding Seling:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan tadi, jelas bahawa pembantu-pembantu rumah yang ada di negara kita adalah terdiri daripada mereka yang bekerja tetapi tidak ada latihan. Saya berpendapat latihan kepada pembantu rumah amat penting kerana mereka akan membesar generasi yang akan datang. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah insentif akan diberi kepada pihak swasta sekiranya ada pihas swasta yang ingin menganjurkan kursus bagi pembantu-pembantu rumah?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan pertimbangkan cadangan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi nampaknya Tuan Ding Seling bangun, sudah tukar fikiran?

**Tuan Rahim bin Baba:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia member ketat itu. *[Ketawa]* Baiklah Tuan Rahim, sila.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, seorang pembantu rumah dianggap sebagai seorang pekerja di bawah Akta Pekerja 1955. Jadi, kita yang mengambil pembantu rumah dianggap sebagai majikan. Jadi, adakah kementerian bercadang supaya mengesyorkan kepada Kementerian Kewangan supaya perbelanjaan kita sebagai majikan untuk mendapatkan pembantu rumah ini dan dikecualikan daripada cukai pendapatan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah satu perkara yang sepatutnya dipertimbangkan oleh Kementerian

Kewangan. Saya harap Timbalan Menteri Kewangan akan mengambil catatan mengenai perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senyum sahaja Timbalan Menteri Kewangan itu.

#### **PEMANDU PELANCONG PROFESIONAL - KEPERLUAN**

**8. Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancungan menyatakan berapakah jumlah pemandu pelancong professional yang dikehendaki menjelang tahun 2000 dan apakah langkah-langkah akan diambil untuk mencapai objektif ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menganggarkan bahawa seramai lebih kurang 3,000 orang pemandu pelancong diperlukan menjelang tahun 2000 nanti.

Untuk mencapai objektif ini kementerian dengan kerjasama institusi-institusi latihan pelancongan sedang giat menganjurkan kursus-kursus asas pemandu pelancong. Kementerian juga menggalakkan institusi-institusi latihan untuk menganjurkan kursus bahasa asing seperti bahasa Sepanyol, Jepun, German, Itali, Korea dan sebagainya bagi tujuan untuk mewujudkan pemandu pelancong yang mahir dalam bahasa asing bagi memudahkan kerja pemanduan kepada pelancong-pelancong dari negara-negara berkenaan.

Di samping itu, kementerian dengan kerjasama persatuan-persatuan pemandu pelancong dan juga agensi-agensi kerajaan seperti FRAM, UTM dan

Jabatan Perhilitan menganjurkan kursus-kursus pemandu pelancong setempat, pemandu pelancong yang berkemahiran dari semasa ke semasa. Kursus ini akan melahirkan pemandu pelancong yang sedia mahir untuk membawa pelancong yang terlibat dalam aktiviti ecotourism seperti meredah hutan, mendaki gunung dan sebagainya.

#### **HAWA - KEKESANAN DAN CADANGAN PENUBUHAN DI PERINGKAT DAERAH/MUKIM**

**9. Puan Hajah Kelsom binti Yaacub** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah Kementerian menyedari penubuhan HAWA di peringkat negeri tidak begitu berkesan dan tidakkah ada cadangan supaya ditubuhkan di peringkat daerah dan mukim.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan  
Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat ahli Yang Berhormat pada asas bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah diwujudkan sebagai satu bentuk jentera pelaksanaan dan penyelarasaran projek-projek pembangunan wanita di peringkat kebangsaan melalui penggembelingan agensi-agensi kerajaan di peringkat kementerian, negeri dan daerah, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NACIWID) dan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita diperingkat negeri dan daerah.

Memandangkan HAWA bukanlah satu jabatan yang mempunyai cawangan-cawangan di peringkat negeri dan daerah, tetapi bagi mengawasi prestasi pelaksanaan program untuk wanita dan pembangunan serta mengesan halangan-halangan yang timbul, sama ada dalam bentuk perundangan,

peraturan dan sebagainya, kerajaan pada tahun 1985 telah bersetuju untuk melantik seorang pegawai penyelaras di tiap-tiap kementerian untuk mengendalikan perkara-perkara berkaitan dengan hal ehwal wanita di samping menjalankan tugas-tugas sendiri.

Seterusnya pada tahun 1989, pegawai-pegawai penyelaras di tiap-tiap negeri dan daerah dilantik. Selain daripada itu, untuk memastikan segala maklumat dapat di sebarluaskan kepada semua golongan wanita hingga di peringkat akar umbi, ditubuhkan Jawatankuasa Perundingan Hal Ehwal Wanita di peringkat negeri dan daerah. Jawatankuasa ini merupakan badan separa NGO kerana ia dipengerusikan oleh pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh wanita, manakala ahli jawatankuasanya terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, NGO serta individu-individu yang bukan anggota kerajaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sedang dalam proses untuk meningkatkan kedudukan HAWA supaya menjadi agensi utama mengenai kemajuan wanita dan dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Satu kajian menyeluruh sedang diadakan bagi memperkuatkannya HAWA, NACIWID dan Jawatankuasa Perundingan Hal Ehwal Wanita.

Kedudukan HAWA haruslah diletakkan di satu tahap yang agak kanan bagi membolehkan ia melaksanakan perancangan yang amat strategik dan berkeupayaan menggerakkan serta menggembung berbagai agensi kerajaan,

badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta dan badan-badan antarabangsa dalam merancang serta menggubal dan melaksanakan dasar-dasar dan program-program bagi memajukan wanita.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa HAWA telah mewujudkan pegawai penyelaras dan juga jawatankuasa perunding di peringkat negeri. Apa yang saya difahamkan ini adalah secara sukarela. Jadi, sejauh manakah, pihak kementerian berpendapat bahawa matlamat hawa akan tercapai kerana ini adalah secara sukarela?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka membetulkan fikiran Yang Berhormat sedikit. *[Ketawa]*. Perlantikan ini adalah bukan secara sukarela. Kita sudah membuat perlantikan di tiap-tiap kementerian dan di tiap-tiap negeri - ada nama pun.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, mereka ada tugas khas dan pada masa yang sama dia menjalankan tugas-tugas untuk HAWA secara sukarela. Maknanya bukan tugas khusus daripada HAWA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya usaha untuk menukar fikiran itu tidak berapa tepat lagi.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, kita sudah lantik pegawai itu, tetapi kita tidak paksa dia buat kerja. Tetapi dia ada tugas-tugas dia dan mengikut laporan-laporan yang kita terima, pegawai-pegawai yang kita lantik

dia buat tugas-tugasnya dengan sempurna. Tidak ada masalah. Tetapi apa yang saya suka sebut di sini HAWA adalah bukan satu jabatan, ia hanya satu sekretariat (urusetia bahagian). Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, mungkin kita akan meningkatkan tarafnya.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah Pengurus, Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Negeri Perlis - untuk makluman Yang Berhormat. Saya ingin bertanya dalam soal yang disebutkan tadi iaitu Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di negeri-negeri adalah merupakan separa NGO. Sekarang ini perjalannya terlalu longgar, tidak ada satu peraturan yang telah pun ditentukan oleh pihak kementerian. Kalau di lihat dari segi separa NGO saya rasa PEMADAM mungkin sebagai contoh badan yang telah diwujudkan.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat rakan saya tadi, Yang Berhormat Puan Kamilia di mana kerjanya adalah secara sukarela. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian bercadang untuk memperkuuhkan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di peringkat negeri dan adakah jawatankuasa ini akan diberi garispanduan ataupun peraturan-peraturan yang lebih lengkap dan terperinci supaya tugas-tugasan yang mereka lakukan dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya dan mengikut unjuran yang ditentukan oleh pihak kementerian?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, kita sedang menjalankan satu kajian yang menyeluruh dan kita sedang menunggu keputusan kajian dahulu dan apa yang saya suka sebut di sini HAWA adalah satu bahagian yang baru diwujudkan. Mesti ada banyak masalah dan banyak cabaran. Kita tunggu sedikit masa lagi dan saya harap kita boleh meningkatkan taraf HAWA ke taraf yang lebih tinggi.

Mengenai masalah-masalah yang disebut oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat, mengenai peranan HAWA, saya suka sebut di sini, peranan HAWA kalau kita bandingkan daripada awal hingga sekarang, dia sudah naik tarafnya. Saya berharap kita bersabar sedikit. Tetapi keadaan wanita di negara ini adalah satu keadaan yang boleh dibanggakan, bukan keadaan yang rendah.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau bagi wanita dia ada HAWA. Kalau lelaki dia ada apa? “ADAM” ataupun apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** “JAMALUDIN”.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Bagaimana Tuan Yang di-Pertua? *[Ketawa]* Jadi, kalau lelaki, adakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini hanya memikirkan masalah HAWA sahaja? Bagaimana kedudukan ADAM ini pula?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah kementerian tidak ada satu badan seperti ‘Adam’. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Di sini ada. *[Ketawa]*

**Tuan G. Palanivel:** Tetapi kalau kumpulan lelaki masuk ke dalam kumpulan sasaran, kita ada badan-badan sebagai “Titian Emas”, “Wargatua” dan badan-badan lain yang.../*Ketawa*] meliputi kaum lelaki. Tetapi kita tubuhkan HAWA selaras dengan pendapat di peringkat negeri, negara dan antarabangsa. “We want to uplift the women.” Man tidak ada masalah. *[Ketawa]*

#### **KEMPEN INFLASI SIFAR - KEJAYAAN**

10. **Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada ‘Kempen Inflasi Sifar’ gagal mendapat respon daripada penjual, justeru itu, barang-barang keperluan harian telah naik harga, khasnya seperti tepung, roti, ikan, ayam, daging, sayur-sayuran, buah-buahan dan kebanyakan barang yang lain. Apakah langkah dan cadangan kerajaan untuk mengatasi ini supaya ‘Kempen Inflasi Sifar’ dapat berjaya dan manfaatkan rakyat dan negara.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato’ (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa ‘Kempen Inflasi Sifar’ telah gagal mendapat respon daripada para penjual. Mengikut kajian penilaian kempen yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, ianya telah menunjukkan para peniaga menyokong kempen kerajaan dengan mengambil bahagian aktif dalam penjualan hari ‘Inflasi Sifar’.

Kenaikan harga barang-barang seperti tepung gandum, roti, ikan dan lain-lain adalah disebabkan faktor-faktor tertentu dan di luar kawalan kerajaan atau peniaga. Faktor-faktor ini termasuklah peningkatan harga bahan-bahan mentah seperti berlaku bagi tepung gandum baru-baru ini. Namun demikian, kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif untuk menstabilkan harga barang tersebut.

‘Kempen Inflasi Sifar’ telah mencapai objektifnya, iaitu dari segi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terutamanya pengguna dan peniaga mengenai inflasi, akibat buruk inflasi yang tidak terkawal dan peranan mereka dalam membendung inflasi. Ianya juga ditumpukan kepada 75 jenis barang dan perkhidmatan yang difikirkan perlu bagi mereka yang berpendapatan RM1,500 ke bawah sebulan. Selain daripada kempen yang telah dijalankan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama-sama dengan Kementerian Penerangan akan mengadakan kempen secara bersepadu dan menyeluruh ke seluruh negara mulai daripada bulan Ogos ini.

**Tuan Frankie Chong Yu Chee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian atas kempen-kempen ‘Inflasi Sifar’ yang telah berjalan di seluruh negara.

Bagi Sabah, kempen-kempen ini juga telah berjalan dengan baik, tetapi masalahnya barang-barang di Sabah masih juga tinggi dan lebih tinggi daripada Semenanjung, dan kebanyakannya memberi alasan bahawa kenaikan harga adalah disebabkan kos pengangkutan. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak menteri, sama ada kementerian telah membuat kajian, alasan yang diberikan ini munasabah atau tidak?

**Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada arahan Jemaah Menteri yang telah mengadakan mesyuarat di Kota Kinabalu pada tahun sudah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama-sama dengan beberapa agensi kerajaan yang lain, termasuk daripada Kerajaan Negeri Sabah, telah mengadakan kajian awal berkaitan dengan harga barang di Sabah yang dikatakan tinggi jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Perkara ini memang didapati benar, iaitu bagi beberapa barang yang tertentu, termasuk kereta dan juga barang makanan. Ianya meningkat jika dibandingkan dengan harga di Semenanjung.

Oleh itu, bagi fasa kedua kajian yang sedang dijalankan, kerajaan akan melibatkan pihak-pihak pengeluar dan juga pihak-pihak yang melibatkan diri dalam pengangkutan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya bagaimana perkara ini boleh berlaku dan bagaimana dapat kita mengatasi masalah yang sedang berlaku di Sabah.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kawalan dan tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap harga buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan dalam melambung tinggi, oleh kerana orang-orang tengah dalam mendapat keuntungan yang berlebihan?

**Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi harga buah-buahan, sayur-sayuran dan juga ikan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengikuti beberapa pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan saya bahawa perkara ini adalah di dalam tindakan kementerian yang berkenaan, terutamanya agensi-agensi yang berkaitan, iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, FAMA dan juga Jabatan Perkhidmatan Haiwan agar dapat mengatasi perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu termasuk dari segi pengangkutan daripada tempat pungutan ikan ke bandar-bandar besar dan seterusnya ke bandar-bandar yang kecil.

Jadi, bermaknalah bahawa kerajaan peka berkenaan perkara ini, bukan sahaja kementerian saya, tetapi juga kementerian-kementerian yang lain yang dipertanggungjawabkan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk menambah pegawai-pegawai bagi kuatkuasa untuk menjaga di daerah-daerah. Kerana apa yang saya dapat

lihat begini, harga ikan dua hari sudah di tempat saya, 1 kilo ikan tenggiri harganya RM12.50 dan ikan kembung harganya RM6.50. Kawan saya di sebelah sini berkata di Melaka pula harga ikan parang harganya 1 kilo RM18.00. Jadi, apabila dua hari sudah saya pun telefon di Kuala Lumpur, harga di Kuala Lumpur ikan tenggi baru RM10.00. Dalam masa yang sama, di Kuala Pilah harga RM12.50, di Kuala Lumpur harga ikan tenggiri RM10.00. Oleh sebab itu, saya ingin memohon kepada Menteri yang ada pada hari ini adakah kerajaan bercadang untuk menambah pegawai-pegawai supaya harga barang ini dapat dikawal, kerana di tempat saya pegawainya hanya seorang sahaja?

**Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memang telah dirancangkan, iaitu kementerian memerlukan pegawai-pegawai tambahan bukan sahaja bagi pejabat-pejabat yang sedia ada, tetapi pejabat-pejabat tambahan di seluruh negara. Permohonan yang berkenaan sedang dipertimbangkan oleh agensi-agensi Pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Perbadanan atau Treasury. Di samping itu, dari segi harga ikan sepertimana yang telah disebutkan sebentar tadi, saya fikir oleh kerana ikan bukanlah barang kawalan, ianya tidak dapat dikawal harganya walaupun kita ada pegawai-pegawai tambahan. Yang penting ialah kita sebagai pengguna dan juga sebagai ahli-ahli masyarakat yang bertanggungjawab dapat bersama-sama mengatasi perkara ini dan juga sepertimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan awal tadi, Kementerian Pertanian kini dalam proses mengkaji detail-detail berkenaan pemasaran dan sebagainya.

#### **TALIAN TELEFON DI SABAH/SARAWAK - JUMLAH**

11. **Tuan Ding Seling** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah bilangan talian telefon dalam negeri Sarawak dan Sabah dalam tahun 1990 dan 1996 dan berapakah talian yang akan ditambah sehingga menentukan permintaan dipenuhi bagi tahun-tahun yang akan datang sehingga tahun 2000.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan talian telefon di Sarawak dan Sabah dalam tahun 1990 ialah masing-masing 113,565 dan 92,692.

Bagi tahun 1996 pula, jumlah talian dijangka meningkat ke 243,000 bagi Sarawak dan 178,000 bagi negeri Sabah. Menjelang tahun 2000, adalah dijangkakan keseluruhan permintaan telefon di kedua-dua negeri ini akan dapat dipenuhi di mana permintaan telefon bagi Sarawak ialah 434,961 dan bagi Sabah ialah 351,646.

**PROGRAM RAKAN MUDA - PENYERTAAN**

12. **Tuan Tan Kok Kwan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada:-

- (a) di antara 9 cara hidup yang ada di dalam Program Rakan Muda, yang manakah yang paling banyak mendapat maklum balas; dan
- (b) adakah latihan kepimpinan diberikan dan dimasukkan di dalam Program Rakan Muda.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pelaksanaan Program Rakan Muda, gaya hidup Rakan Rekreasi telah mencatatkan bukan sahaja pendaftaran yang tertinggi di antara sembilan gaya hidup tetapi juga paling ramai dari segi penyertaan dan

aktiviti. Kajian terakhir status pelaksanaan program pada penghujung Disember, 1995 menunjukkan hirarki penyertaan seperti berikut:-

<b>Program</b>	<b>Jumlah Penyertaan</b>
Rakan Rekreasi	193,000
Rakan Cinta Alam	190,000
Rakan Waja Diri	184,000
Rakan Kecergasan	137,000
Rakan Masyarakat	108,000
Rakan Seni Budaya	58,000
Rakan Sukan	41,000
Rakan Reka Cipta	7,500
Rakan Wira Usaha	16,000
Rakan Wira Mahir	16,000
<hr/>	
JUMLAH	936,000
<hr/>	

Tuan Yang di-Pertua, program Rakan Muda adalah gabungan secara bersepadau aktiviti pembangunan minda, pembangunan kecergasan fizikal, aktiviti-aktiviti kerohanian serta aktiviti-aktiviti pembangunan kemasyarakatan. Kesemua aktiviti ini telah disisipkan elemen-elemen kepimpinan yang bersesuaian dengan sesuatu aktiviti dan gaya hidup yang diikuti secara tidak langsung ataupun secara langsung.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masalah gejala sosial yang melibatkan remaja akhir-akhir ini semakin serius dan ketara sekali seperti membuang bayi, terlibat dengan dadah,

pelacuran dan sebagainya, adakah pada pandangan kementerian aktiviti ataupun program Rakan Muda seperti yang disebut tadi berjumlah 936,000 setakat ini memberi kesan terhadap mengurangkan masalah-masalah sosial ini? Kalau tidak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Satu lagi soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, satu soalan sahaja cukup.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Yang berkaitan dengan itu juga. Adakah jumlah yang diberi tadi overlapping? Sebab mungkin Rakan Muda pun orang yang itu juga. Banyak lagi "Rakan" tadi saya dengar. Yang mana satu? Belia-belia remaja ini di setiap negeri yang sama juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu satu soalan dia kata.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa masyarakat kita ini menghadapi macam-macam masalah. Oleh kerana itulah kerajaan ataupun khasnya Kementerian Belia dan Sukan mengadakan program Rakan Muda ini. Kita mengakui bahawa Program Rakan Muda sahaja tidak boleh menghapuskan masalah-masalah sosial yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tetapi Program Rakan Muda tentu memberi kesan yang positif. Tetapi ke tahap mana kesan ini pada masa ini, susah bagi Kementerian Belia dan Sukan untuk mengukur sebab kita masih mengkaji

bagaimana untuk mengadakan satu sistem ukuran supaya kita dapat mengukur keberkesanannya Program Rakan Muda kerana ini adalah satu program sosial, susah untuk mengukurnya. Jadi, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sentiasa peka masalah-masalah sosial khasnya masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan belia dan program-program lain yang lebih berkesan, lebih positif akan dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan saya harap pihak-pihak lain seperti kementerian-kementerian lain termasuk keluarga boleh bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan ataupun kerajaan untuk mengadakan berpendidikan untuk mendidikkan masyarakat kita terhadap masalah-masalah sosial yang kita hadapi.

**Dato' Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada latihan kepimpinan dan saya teringat kenyataan menteri bahawa latihan kepada golongan remaja atau muda perlu dibuat kepada hampir 500,000 orang setahun dan soal latihan kepimpinan adalah satu perkara yang penting.

Soalannya, apakah kementerian ataupun kerajaan bercadang untuk pihak-pihak swasta boleh mula membuka pusat-pusat latihan dan diberi peluang untuk diswastakan latihan untuk mencapai matlamat yang dikehendaki.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan angka yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi. Bukan 500,000 pemimpin belia setahun tetapi 500,000 dalam tempoh 5 tahun. Jadi, 100,000 setahun.

Walau bagaimanapun, program ini sedang dijalankan dengan baik dan Kementerian Belia dan Sukan masih meneliti sampai ke tahap manakah ini telah dijalankan dengan baik. Jadi, pendapat Ahli Yang Berhormat tadi bolehkah kerajaan ataupun kementerian mempertimbangkan menswastakan program ini, mungkin ini adalah satu cadangan yang baik. Kita boleh timbangkan tetapi adalah masalah-masalah lain yang mana kita patut mengambil kira sebelum kita menjalankan penswastaan program-program sosial yang melibatkan belia ini. Ini adalah satu area yang kemungkinan yang lebih sensitif sedikit.

#### **LESEN RADIO/TV - PEMANSUHAN**

13. **Puan Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Penerangan menyatakan kenapa lesen radio dan TV masih perlu dikenakan kepada rakyat, sedangkan kerajaan telah pun beroleh keuntungan dari siaran-siaran iklan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, kerajaan telah memansuhkan bayaran lesen radio berkuatkuasa mulai 1hb. Januari 1991. Namun begitu, kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan bayaran lesen televisyen memandangkan hasil yang dikutip daripada bayaran lesen televisyen masih diperlukan bagi kegunaan pembangunan negara.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai perkhidmatan radio dan televisyen. Latar belakangnya soalan saya ialah saya dari tempat pedalaman di mana tidak terdapat reception televisyen. Radio adalah sedikit-sedikit.

Jadi, soalan saya adakah kerajaan bercadang untuk menentukan perkhidmatan radio dan televisyen dinikmati oleh seluruh rakyat khususnya mereka yang dari pedalaman?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, tentunya kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh telah memberi peruntukan yang begitu banyak untuk memperbaiki stesen-stesen di beberapa kawasan khususnya di kawasan Sarawak dan kawasan-kawasan yang lain yang tidak mendapat siaran yang cukup baik. Namun demikian, bila mana masalah Akta Penyiaran bila mana kita akan kemukakan pada sidang Dewan Rakyat yang akan datang, insya-Allah bila kita membenarkan rakyat di negara ini menggunakan parabola dan pancaran daripada satelit Measat akan dapat clearer picture, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada penerima-penerima di setiap kawasan-kawasan yang terpencil.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya senang sahaja, untuk mengatasi masalah memberi lesen, pemeriksaan lesen ini, kita kembali kepada soalan tambahan. Mengapa kerajaan tidak mencukai atau mengenakan lesen pada masa kita membeli T.V. itu sekali sahaja? Jadi, tidak payah kita mengadakan pegawai-pegawai untuk memeriksa lesen di kondominium, di apartment, di kampung, di FELDA - senang sekali sahaja kita kenakan, misalnya RM100.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bagi menjawab soalan ini, sememangnya kementerian telah mengkaji keadaan ini, di mana kita berpandangan bahawa ‘the buying point’, bila mana purchasing point, dengan izin, kita dikehendaki membuat bayaran. Tetapi setakat ini bila kita mengenal

pasti bahawa masalah yang kita hadapi dan kementerian telah mengambil satu langkah baru-baru ini, di mana kita mengaktifkan sedikit Bahagian Lesen (Licensing) ini dengan memberi kemudahan-kemudahan asas seperti motosikal yang baik agar kutipan lesen di negara kita ini akan dapat kita pertingkatkan lagi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara ini masih dalam pengkajian kita.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin ya, soalan itu tidak.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, yang menjawab soalan tambahan saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, nampaknya jawapan itu tidak menjawab soalan Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Bukan, dia kata ‘ada masalah’ untuk hendak mencukai, pada peringkat awal tadi,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha! itu.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** .....saya hendak tahu apa dia masalahnya. Sebab saya tengok banyak masalah lagi yang kita hadapi

seperti kita kena mengadakan motosikal, pegawai hendak pergi ke apartment, bukan senang hendak pergi ke apartment yang tinggi sekarang ini, belanja banyak untuk menunggu dan sebagainya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi kalau saya tidak silap Dato' Setiausaha Parlimen kata ‘cukai di ‘buying point’ itu sudah dikaji bukan? Selepas dikaji maka diteruskan juga sistem yang ada sekarang.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sistem pada hari ini, kita menggunakan beberapa pusat yang sedia ada untuk mengutip lesen-lesen di mana pihak pemunya televisyen perlu membayar dibeberapa pusat, bila mana kita menggalakkan agar tuan punya televisyen itu membayar di setiap point di mana dia membeli - banyak pusat, this is a question of coordination, dengan izin, dan banyak lagi perkara-perkara pengurusan pentadbiran yang masih dalam pertimbangan kita.

Sama ada, adakah ini cara yang lebih berkesan? Tidak bermakna bahawa cadangan Yang Berhormat tadi kita tolak - masih dalam pengkajian, dalam perhitungan kementerian ialah bagaimana keadaan yang kita ambil, langkah yang kita sedang ambil untuk mengatasi perkara ini adalah langkah yang cukup baik, kita teruskan. Tetapi bila mana langkah ini tidak dapat meningkatkan taraf kutipan hasil lesen ini, tidak bermakna bahawa kita tolak

cadangan Yang Berhormat tadi - cadangan ini cukup baik, kita telah banyak mempertimbangkan beberapa cadangan di peringkat kementerian.

#### **DAKYAH NEGATIF TERHADAP PERDANA MENTERI OLEH MEDIA MASSA ASING - TINDAKAN DIAMBIL**

**14. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah dan tindak balas segera yang telah dan akan diambil bagi menentukan dakyah-dakyah negatif terhadap Perdana Menteri kita YAB. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan juga negara kita yang dipaparkan oleh media massa asing; dan
- (b) sila nyatakan persiapan yang diberi kepada pegawai-pegawai luar bagi menentukan mereka mempunyai ilmu dan pengalaman bagi mencerminkan imej negara yang lebih berkesan di arena antarabangsa

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam kita menangani dakyah-dakyah negatif yang dipaparkan di media asing terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga negara kita, Kementerian Luar Negeri telah mengambil dan melaksanakan beberapa langkah-langkah positif.

Perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut dipertanggungjawabkan menjawab serta-merta segala tohmahan media massa dengan memberikan fakta-fakta dan

kedudukan yang sebenar dan kemas kini mengenai sebarang perkara yang berkaitan.

Dalam menyokong usaha menyebarkan maklumat-maklumat terkini berkaitan dengan pemimpin negara serta perkembangan pembangunan Malaysia, perwakilan-perwakilan menyebarkan bahan-bahan penerbitan kepada pihak media massa dan kumpulan-kumpulan sasar. Bahan-bahan penerbitan tersebut diterbitkan oleh Bahagian Penerangan Luar Negeri Wisma Putra dengan memberikan fokus kepada warga antarabangsa.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri telah menganjurkan serta mengaturkan lawatan wartawan-wartawan asing ke Malaysia untuk memberi mereka peluang mengenali secara dekat dan mendapat gambaran sebenar mengenai Malaysia baik dari segi kestabilan politik mahupun perkembangan ekonomi dan kemakmuran rakyatnya.

Malah beberapa orang wartawan dari akhbar-akhbar terkenal dari negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Republik Persekutuan Jerman yang pernah menerbitkan dakyah-dakyah negatif terhadap Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga Malaysia telah diberi peluang bertemu dan menemuramah pemimpin-pemimpin Malaysia untuk mendapat gambaran yang lebih terperinci mengenai pelbagai perkembangan di Malaysia.

- (b) Dalam usaha kita meningkatkan lagi ilmu dan kemahiran pegawai-pegawai supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara) dan Institut Diplomasi Hubungan Luar Negeri, kita mengaturkan beberapa kursus seperti kursus preposting untuk pegawai-pegawai dan pasangan masing-masing sebelum penempatan di luar negeri. Kursus-kursus dalam bidang diplomasi, perundingan antarabangsa dan kursus-kursus kepada jawatan-jawatan pegawai-pegawai berkenaan dan juga kursus bahasa asing. Jadi, melalui latihan-latihan yang terancang seperti yang disebutkan di atas, kementerian berkeyakinan penuh bahawa mereka yang dihantar ke luar negeri dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan berkesan.

#### **KILANG MILIK PELABUR ASING TIDAK BEROPERASI - JUMLAH**

**15. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bahawa terdapat beberapa kilang pembuatan (factory) milik negara asing tidak beroperasi dan ditutup di beberapa tempat di Malaysia.

- (a) adakah ini suatu sabotaj oleh pemilik kilang terhadap negara Malaysia; dan
- (b) apakah tindakan kementerian terhadap pengusaha kilang asing yang meyakinkan penghasilannya pada peringkat awal tetapi berakhir dengan berhenti operasi pada peringkat kemudiannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa terdapat kes-kes di mana kilang-kilang milik pelabur-pelabur asing telah memberhentikan operasi mereka di beberapa tempat di negara ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 15 tahun yang lepas iaitu daripada tahun 1980 hingga 1995 hanya 143 projek perkilangan yang dilesenkan oleh MITI dan yang melibatkan pelaburan asing berjumlah RM100.5 bilion telah memberhentikan operasi mereka di negara ini. Angka ini merupakan 2% daripada 7,187 projek dan hanya 1% daripada pelaburan asing berjumlah RM102.5 bilion yang diluluskan oleh MITI bagi tempoh yang sama. Angka-angka ini tidak mengambil kira syarikat-syarikat perkilangan

yang tidak perlu dilesenkan oleh MITI di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 iaitu syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai dana pembahagian saham tidak melebihi RM2.5 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.

Di samping itu bagi tempoh tahun 1991 hingga bulan Mei 1996 sebanyak 1,535 projek dengan penyertaan pelaburan asing telah membuat pembesaran dan tambahan keluaran yang melibatkan pelaburan tambahan berjumlah RM14.4 bilion dan peluang pekerjaan sebanyak 212,252.

Tuan Yang di-Pertua, penutupan kilang-kilang ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor pasaran di mana kilang-kilang tersebut tidak lagi mampu bersaing, di samping masalah-masalah pasaran kewangan dan teknikal.

Penutupan kilang-kilang milik asing di negara ini bukanlah merupakan satu sabotaj. Peratusan kilang-kilang yang ditutup adalah terlalu kecil iaitu 1% dan ianya tidak mendatangkan apa-apa masalah kepada negara kerana jumlah pelaburan baru dan pelaburan yang membesarakan keupayaan dan keluaran telah meningkat dan telah menyerap semua tenaga pekerja yang ada.

Untuk terus kekal bersaing di pasaran, syarikat-syarikat perkilangan perlulah mengeluarkan keluaran yang dapat memenuhi cita rasa pengguna pada harga yang kompetitif di pasaran tempatan dan eksport. Dalam hal ini, kerajaan berpegang kepada dasar yang liberal dan menyerahkan kepada faktor-faktor pasaran serta daya saing syarikat bagi menentukan kejayaan atau kegagalan

mereka. Oleh yang demikian, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengambil sebarang tindakan terhadap kilang-kilang milik asing yang tidak lagi berdaya maju dan terpaksa berhenti beroperasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 58 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996) 1996

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[31hb. Julai, 1996]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, sila sambung perbahasan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyambung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996. Semalam, saya menyentuh dengan Balai Polis di India, oleh kerana Yang Berhormat Dato’ Dr. T. Marimuthu tidak ada di sini, jadi, nampaknya ada sensitif sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi satu Tuan N. Marimuthu.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya, ada satu Tuan N. Marimuthu. Sebab dia baru kenal saya. Yang understanding saya adalah Profesor, sebab selama lima tahun kita duduk bersama, dia tahu saya orang baik, orang yang tidak ada perasaan perkauman. *[Ketawa]*

Dalam perbahasan saya yang masih belum selesai, dengarnya sensitif tetapi apabila selesai kita mendengarnya, ini tidak sensitif. Saya bukan anti orang India ataupun masalah kaum India. Saudara N. Marimuthu boleh pergi ke Seremban, tanya masyarakat India terhadap saya. Sebenarnya, masyarakat India, dia kata: “Yim, orang baik, beliau sangat memberi pertolongan dan bantuan kepada masyarakat India”. Pada tahun 1991 ketika Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan ingin menutup Sekolah Rendah Convent (Tamil) di Seremban, masyarakat India hendak mogok, membantah hendak menunjuk perasaan. Tetapi saya mengemukakan satu soalan di Dewan Rakyat, minta Kementerian Pendidikan meneruskan sekolah itu. Mana Datuk Dr. Fong Chan Onn, Timbalan Menteri Pendidikan? Tadi, dia ada di sini, beliau yang menjawab soalan saya. Beliau yang membenarkan sekolah Tambil di Seremban diteruskan. Masyarakat India, dia kata: “Yim adalah seorang penyelamat sekolah Tamil”. Tetapi sebenarnya, bukan saya, Kementerian Pendidikan.

Dalam pada itu, di Kuil Jalan Tun Dr. Ismail, Seremban, selama 30 tahun tak dapat bekalan air, selama 30 tahun tak dapat bekalan elektrik. Saya yang menolong Kuil itu mendapatkan bekalan itu. *[Tepuk]*

Lagi pun banyak sekolah Tamil ....

**Tuan Ng See Tiong:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Tuan Ng See Tiong.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Tuan Yim kena menjelaskan tentang sikap Polis di India, bukan hendak bercerita hal-hal orang India ini, sebab Yang Behormat Tuan N. Marimuthu ini orang Malaysia, dia hanya kaum India, sebab itu cerita yang kita hendak dengar sikap Polis di India. *[Ketawa]*

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Boleh saya jawab dahulu, kemudian sampai giliran saudara pula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dipanggil ‘melencong dari lebuh raya’.  
*[Ketawa]* Sila teruskan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Baik, terima kasih. Sikap Polis India belum sampai, ini pendahuluan, nanti akan sampai di situ. *[Ketawa]*

Saya hendak menjelaskan bahawa saya tidak perkauman terhadap orang India yang menunjukkan saya yang senantiasa menolong masyarakat India di Seremban semasa saya menjadi Ahli Parlimen Seremban. Banyak sekolah Tamil di Seremban, dalam kawasan Seremban, sekolah yang miskin, banyak sekolah macam sekolah rendah Tamil, Lobak langsung tak ada minta peruntukan daripada saya, tetapi saya lihat sekolah itu miskin, saya beri

RM10,000 peruntukan, dan lagi sekolah Tamil di Lenggong, saya beri RM10,000, banyak wang diberi kepada masyarakat India, lagi pun Kuil Lobak, saya beri RM10,000 untuk satu function pada hari itu untuk menyambut hari perasmian, saya ada pergi ke Kuil itu, Presiden MIC pun ada pergi ke situ bersama dengan saya, di situ semua orang tanggalkan kasut, saya pun tanggalkan kasut di situ. Lepas function itu bila saya hendak balik, kasut kena curi. *[Ketawa]* Jadi, saya pun berkaki ayam, simpulan Bahasa Melayu lama, saya tak baca, saya berkaki ayam balik office, semua untuk masyarakat India.

Jadi, orang India di Seremban kata: “Oh, Yim, hatinya India, nampaknya saya Melayu”. Orang tanya saya apa bangsa? Saya kata emak saya Melayu. Orang India di Seremban dia kata, Yim hati India, betul juga senantiasa saya menolong masyarakat India di Seremban.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betulkah ibu Tuan Yim orang Melayu?

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya cakap sahaja. *[Ketawa]* Saya tak tahu ayah saya berapa orang isterinya, saya ingat mungkin ada satu juga orang Melayu, sebab dahulu ayah saya selalu masuk kampung Melayu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, tentang Balai Polis India, tadi saya makan bersama-sama dengan Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan di kantin Parlimen, dia kata: “Semalam saya tanya kawan India, Yim punya ucapan orang yang lapor rogol di Balai Polis India kena rogol juga adakah betul

atau tidak?” Dia kata: “Betul, ada hal ini”, katanya. Ini membuktikan ucapan saya ini benar.

Tetapi tadi saya jumpa Yang Berhormat Dato’ Krishna, both side to be heard natural justice, dengar sini dan dengar situ, dia kata: “Polis di India adalah second best in the world”. Tuan N. Marimuthu, ini betulkah, dia dahulu jadi Pegawai Polis, jadi hendak dengar sampai habis.

**Tuan N. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan N. Marimuthu meminta laluan. Sila.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat tadi, dia salah seorang Ahli Parlimen dahulu, dia banyak menolong sekolah-sekolah dan juga kuil-kuil India. Perkara ini semalam, Yang Berhormat bangun, dia minta ‘sorry’ Senator India adakah di sini? Dia minta kita, saya pun teliti apa ucapan dia, Senator India means jangan tanyalah Senator India di sini, you terus ucap! Lepas itu, saya ingin memberikan pendapat saya berkaitan kerana perkara semalam, saya seorang yang paling sayang Malaysia atau patriotik. Saya bukan mahu sokong India, ini bukan saya punya negara. Tetapi, tidak haruslah Yang Berhormat menyebut penglibatan pihak Polis sebuah negara yang paling besar mencabul perempuan. Ini akan menjaskan perhubungan diplomatik kedua-dua negara, siapa tahu?

Oleh itu, saya minta Yang Berhormat sila jangan misunderstanding, kita compromiselah hari ini. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh saya jelaskan sedikit, semalam ataupun kelmarin, Tuan Yim semasa membahaskan Bil ini ia berkaitan dengan Polis DiRaja Malaysia dan beliau merujuk kepada Profesor beliau di universiti di England yang mengatakan Polis di India ADC Yee. Jadi, dia sebut itu, dia sebut balik di Malaysia. Jadi, sekarang dia tak pergi balik kepada tajuk asas. Saya ingat sedikit lagi dia akan balik kepada tajuk asas iaitu berkenaan dengan Polis DiRaja Malaysia. Betul atau tidak Tuan Yim?

**Tuan Yim Chee Chong:** Betul penerangan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan jauh sangat melencong, orang dah marah dah.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya, terima kasih, ini betul benar memberi penerangan bagi pihak saya. Jadi, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu sudah jelas apakah maksud saya. Sebenarnya, saya tidak kritik polis di India. Tadi, saya mengatakan polis di India adalah second best of the world. Saya merujuk kepada Dato' Krishna. Jadi, ucapan saya hari ini saya mengatakan polis di India adalah second best of the world. Adakah gembira atau tidak? Saya tidak menghina sesebuah negara yang lain.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam ini Tuan N. Marimuthu. Saya harap bukan menjadi soal keadaan bersoal jawab di antara Tuan Yim dengan Tuan N. Marimuthu, kalau Tuan N. Marimuthu hendak minta penjelasan, bangun dan

minta penjelasan ya? Jadi, kalau tidak kita biarkan beliau berucap, kemudian Tuan N. Marimuthu minta penjelasan.

**Tuan N. Marimuthu:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, okay.

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih ya, you minta saya silakan, jadi, saya teruskanlah. *[Ketawa]* Sebenarnya, kes yang berlaku di Balai Polis India ini adalah insiden sahaja mengikut Dato' Krishna. Di negara kita pun ada polis yang merompak, yang merogol pun ada juga tetapi mereka ditangkap dan diadili di mahkamah untuk menjamin nama baik Polis DiRaja Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh CPC, negara kita (Criminal Procedure Code) Seksyen 117 dan Seksyen 113. Seksyen 117 bermakna seseorang suspect yang melakukan jenayah yang ditahan oleh pihak polis dalam tempoh 24 jam tidak selesai penyiasatan pihak Polis, maka orang itu (suspect) akan di bawa ke Mahkamah Magistrate minta melanjutkan tempoh tahanan tidak lebih dari 15 hari. Dalam tempoh 15 hari ini ramai orang yang kena tahan di lokap itu kena pukul dan tumbuk oleh pihak Polis. Ini adalah melanggar undang-undang negara kita ini.

Oleh kerana Seksyen 113 yang mengatakan bahawa seseorang yang ditahan oleh pihak Polis semasa mengambil concern statement under Seksyen 117, concern statement adalah statement amaran. Statement amaran itu bermakna bila seseorang itu ditangkap akan diambil statement dan statement ini akan di serah kepada mahkamah. Orang itu mengaku diri telah melakukan kesalahan itu. Jadi, Seksyen 113 CPC di negara kita mengatakan “seseorang

Polis ataupun Pegawai Polis bila soal suspect tidak boleh menggunakan kekerasan terhadap mereka itu”. Jadi, statement itu langsung tidak ada ancaman, tidak ada dipukul dan seterusnya. Kalau sekiranya seseorang di pukul oleh pihak Polis, bila kes itu dibicarakan di mahkamah, kalau sekiranya Tuan Hakim menerima aduan daripada pihak suspect, maka orang itu akan dibebaskan dari mahkamah.

Dalam pada itu ada satu kes dadah - iaitu lebih kurang 20 tahun dahulu, seorang telah di jatuhkan hukuman penjara selama 20 tahun, tetapi orang itu appeal kepada Supreme Court. Supreme Court mengatakan, orang ini (accussed person) di dalam perbicaraan Mahkamah Tinggi, dengan jelas disebut nama so and so - siapa inspector yang memukul dia, tetapi pihak prosecution tidak memanggil inspektor itu untuk menafikan keterangan accused person itu. Oleh kerana itu, Supreme Court mengatakan adalah bertengangan dengan Seksyen 113 CPC, orang yang telah dihukum penjara selama 20 tahun itu dibebaskan oleh Supreme Court di negara kita ini. Ini adalah bermakna Seksyen 113 CPC di negara kita ini adalah satu undang-undang yang baik, yang harus dipatuhi oleh semua anggota polis dan harus dipatuhi oleh semua pegawai polis di negara kita ini.

Pada beberapa tahun dahulu seorang bekas Ketua Polis Negara kita - Dato' Haniff pernah mengatakan bahawa seksyen ini harus diikut, sesiapa anggota polis tidak boleh menentang Seksyen 113 ini. Kalau sesiapa yang

melanggar Seksyen 113, tidak kira pangkatnya berapa tinggi akan diambil tindakan terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu, di Kuala Lumpur, di May Bank, Cawangan Cheras dimasuki pencuri. Jadi, seorang suspect yang kena tahan itu dipukul sampai mati. Jadi, pihak polis ada mengambil tindakan terhadap orang yang bertanggungjawab. Salah seorang daripadanya telah dipenjarakan tetapi yang lain belum diambil tindakan terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mengadakan kursus kepada segala anggota CIP ataupun Jabatan Penyiasat Jenayah untuk memberi penerangan khusus terhadap Seksyen 113 ini agar supaya suspect yang kena tahan itu tidak dianiaya dan tidak diseksa di dalam lokap polis.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, polis negara kita kebanyakannya adalah baik dan bersopan santun - orang yang polite kepada member of public, tetapi ada juga yang tidak begitu bersopan, yang kasar sangat. Dua tahun dahulu, saya meletakkan kereta saya di Jalan Imbi. Semasa itu orang membaiki longkang tidak nampak ada double yellow line - tidak ada. Saya keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, saya hendak makan dan saya park kereta di situ, tidak ada double yellow line.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Yim, Mahkamah Tinggi dengan Jalam Imbi itu jauhkan? Macam mana itu?

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya, jauh, sebab saya melalui jalan Imbi keluar dari mahkamah. Saya sedang makan, saya nampak kereta traffik sampai hendak tolak kereta saya dengan lori dan kata saya punya kereta tidak boleh letak di situ. Saya kata, tidak apalah, minta maaf, saya tidak tahu dan saya katakan ada banyak kereta yang diletak di situ. Kalau tidak boleh saya alihkan kereta itu. “Oh, you langgar undang-undang, oh, polis itu sangat bising. Dia tulis -mana lesen, mana I.C, saya pun tunjukkan I.C dan lesen, dia tulis nama dan I.C number saya, saya pun mahu tulis dia punya nama - tengok anggota polis, siapa nama dia, apa nombor dia - saya kena marah, dengan kasar berkata “apa you mahu tulis saya punya nama?” - kasar sangat. Jadi, saya pun tidak mengaku salah di mahkamah dan saya menghadapi bicara, tetapi magistrate mendenda saya RM300. Saya kata, ini tidak adil, kalau beri saya amaran, boleh sebab saya lihat sedang dibuat longkang dan saya tidak nampak ada double yellow line di situ. Saya appeal kepada Ketua Polis Negara tentang sikap polis itu. Pihak polis menghantar pegawai polis untuk menyiasat hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa mendengar ramai anggota polis yang sikapnya tidak begitu baik, tidak begitu sopan dan terlalu kasar terhadap orang ramai.

Oleh hal yang demikian, saya memohon supaya pihak kementerian akan mengadakan satu kempen, kempen ‘Kawan baik’ dengan orang ramai, supaya pihak polis senantisa senyum kepada orang ramai. Orang ramai anggap dia polis adalah kawannya, sumber maklumat bagi pihak polis untuk menyiasat semua kes ataupun kes jenayah yang berlaku di negara kita ini.

TYP, oleh kerana rang undang-undang ini adalah rang undang-undang untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan, maka saya mohon menyokongnya. Sekian, terima kasih.

**4.00 ptg.**

**Puan Kamilia bin Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang untuk membahaskan usul yang telah dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kesejahteraan sesebuah negara maju dan membangun adalah terletak hak di atas keprihatinan, kesedaran dan keyakinan rakyat negara kepada perundangan negara yang ada, penguatkuasaan dan pelaksanaan perundangan tersebut dalam sistem perundangan dan perhakimannya, dan semestinya berlandaskan keadilan dan kesaksamaan tanpa pilih kasih dan khuatir.

Dalam konteks menegakkan keadilan dan kesaksamaan, kesamarataan dan ekuti, keseimbangan dan kemakmuran, Jabatan Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah adalah jentera rakyat dan kerajaan yang utama. Mereka berfungsi memastikan perundangan yang diluluskan oleh wakil rakyat di Parlimen dikuatkuasakan. Mereka juga berperanan menyiasat dan mendakwa yang sudah melanggar perundangan negara agar kredibiliti undang-undang negara terus kukuh dan tegap dalam mengatur sistem hidup yang tidak tempang oleh salahguna kuasa dan salahlaku yang mencemar ketamadunan abad kita.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Kamilia, minta berhenti sekejap.

**Puan Kamilia bin Ibrahim:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menurut Peraturan Mesyuarat yang relevan, saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Ding Seling:** Sila teruskan Puan Kamilia.

**Puan Kamilia bin Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,...sama ada mereka yang diamanahkan memegang kuasa atau individu yang mempunyai tanggungjawab asasi kemanusiaan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan tambahan belanjawan sebanyak RM1,988,200,000. Jabatan Peguam Negara seperti yang kita tahu sejak akhir-akhir ini telah menjadi tumpuan orang ramai. Tumpuan ini adalah tumpuan yang sangat penting dan penuh bermakna

bagi martabat perundangan negara. Antara perkara-perkara yang telah banyak menerima perhatian dan juga merupakan perkara-perkara yang kontroversi adalah perkara-perkara yang juga menguji kredibiliti Peguam Negara. Masalah-masalah yang telah ditimbulkan antara lain ialah jenayah yang telah melibatkan datuk menteri, surat layang pertuduhan kehakiman negara, masalah pembahagian saham dan tidak ketinggalan juga termasuk beberapa peraturan yang telah dikemukakan untuk membolehkan tindakan di mahkamah.

Kita menaruh penuh keyakinan kepada Peguam Negara dalam menjalankan tugasnya untuk mendakwa permasalah yang telah demikian oleh rakyat. Walau bagaimanapun, ramai yang masih rasa tidak puashati tentang beberapa keputusan-keputusan Peguam Negara hingga ada rasa sangsi dan ragu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita dapat meneruskan tradisi menghormati sistem perundangan negara yang dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Jabatan Peguam Negara garis panduan dan peraturan yang digunakan dalam memutuskan sesuatu kes sama ada kes atau permasalahan yang telah dikemukakan sebagai aduan dapat didakwa di mahkamah ataupun tidak. Penjelasan ini seharusnya dapat memberikan gambaran yang wajar kepada rakyat agar dapat terus memberi kepercayaan kepada Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya Negara dan Penasihat Undang-undang Negara. Kita tidak mahu rasa sangsi dan ragu kerana sistem perundangan negara adalah tunggak keadilan. Justeru itu, saya mencadangkan bahawa pihak Jabatan Peguam Negara akan dapat memberikan penjelasan dan menyenaraikan satu garis panduan tentang cara mana sesuatu keputusan yang dibuat bagi dakwaan-dakwaan untuk kes-kes atau aduan-aduan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mendakwa, Peguam Negara juga berperanan menggubal rang undang-undang untuk dibentangkan di Parlimen. Tentu tugas ini sangat penting dan berat, kerana biasanya rang undang-undang dikemukakan di Parlimen diluluskan tanpa pindaan, terutama dari segi tekniknya. Saya percaya dan yakin bahawa Bahagian Penggubalan di Jabatan Peguam Negara berkelayakan dan berkemampuan dalam semua aspek. Cumanya kita berharap penelitian yang bersungguh-sungguh diberi kepada pengguna bahasa yang betul dan tepat dalam Bahasa Malaysia terutamanya agar bukan sahaja undang-undang negara ini dapat digubal dan dijadikan perundangan

dalam Bahasa Malaysia, tetapi juga dapat kita dalam masa yang sama meningkatkan penggunaan dan mutunya dan juga martabat Bahasa Malaysia itu sendiri.

Saya juga percaya dan yakin tiap-tiap peruntukan yang digubal juga dikaji implikasi dan objektifnya. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu peruntukan undang-undang yang selalunya dibentangkan yang menimbulkan satu rasa kerunsingan terutamanya tentang tafsiran dan pemakaian peruntukan rang undang-undang yang dibentangkan tersebut. Sebenarnya peruntukan ini biasanya diluluskan. Peruntukan ialah mengenai penubuhan perbadanan-perbadanan kerajaan yang mana peruntukan yang saya maksudkan ialah mengenai kuasa menteri untuk memberikan arahan. Saya bacakan peruntukan yang lazimnya diperuntukkan dan juga lazimnya diluluskan, iaitu menteri boleh memberikan arahan-arahan yang tidak konsisten dengan akta ini, dan lembaga hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin melaksanakan arahan sedemikian.

Pada tafsiran saya ini adalah seolah-olah satu immunity kepada menteri dalam menggunakan kuasanya. Ini adalah satu peruntukan yang begitu luas, dan saya berpendapat bahawa peruntukan ini membolehkan kuasa digunakan oleh pihak yang berkuasa dalam erti kata yang luas selagi ianya tidak konsisten dengan akta. Ini juga bermakna mungkin ada perkara-perkara yang boleh ditentukan oleh sistem atau mekanisme yang diwujudkan dalam lembaga itu diatas ataupun ‘override’, dengan izin, of pihak menteri. Kita sedia maklum undang-undang pentadbiran atau ‘administrative law’, dengan izin, memperuntukkan sekatan ‘*mala-fide*’, dengan izin, dalam penggunaan kuasa oleh pihak yang diberi kuasa. Kita juga sedia maklum dalam konteks ini, Peguam Negara juga berperanan untuk memutuskan tindakan. Walaupun juga kita tahu pihak yang mempunyai ‘*locus standi*’ dengan izin, mampu mengambil tindakan.

Saya berpendapat adalah lebih wajar jika peruntukan ini digubal semula agar maksud dan tujuan peruntukan itu tidak memberi pentafsiran yang begitu luas dan boleh dianggap sebagai satu ‘immunity’ kepada pihak menteri. Tertentu sekali apa yang saya cadangkan ini adalah untuk mengarah kepada satu pentadbiran negara yang lebih tulus dan akauntabiliti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya membahaskan juga usul perbelanjaan tambahan ini, seperkara juga yang menarik perhatian saya ialah Badan Pencegah Rasuah. Badan ini bekerja rapat dengan Jabatan Peguam Negara untuk menyiasat segala laporan yang diterima oleh pihak polis dan pihak

pengaduan awam. Mekanisme siasatan dan perundangan mengenai rasuah pada pendapat saya perlu kemas dan terkini, jika tidak berteknologi tinggi. Sebab kita tahu dalam perkembangan dan pembangunan ekonomi kita yang semakin canggih dan juga kita tahu dalam pembangunan dan perkembangan teknologi yang tinggi, berbagai-bagai perkara dapat berlaku dalam masa yang begitu pantas. Justeru itu, adalah perlu dipertingkatkan mekanisme dan kemahiran Badan Pencegah Rasuah juga perlu dipertingkatkan setanding dengan perkembangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah mengikut Dr. Syed Hussein Al-Attas dalam bukunya bertajuk dengan izin, *Corruption: Its is Nature Cases and Functions* memberi maksud yang luas kepada rasuah. Saya ingin membacakan dengan memberi tafsiran ini kerana begitu pentingnya perkara rasuah ini diberi perhatian. Rasuah mengikut buku ini atau penulis buku ini, dengan izin, memberi maksudnya bahawa ianya, essentially corruption is the abused of trust in the interest of private gain. Ia begitu luas maksudnya dan apa pun yang dilakukan dalam konteks ini adalah merupakan satu rasuah. Dan seterusnya beliau telah mengakhiri bukunya dengan kata-kata Sari Mehmood Pasha, Bendahari Ottoman dan pengarang buku tentang state craft, dengan izin, yang telah dihukum bunuh dalam tahun 1717 atas perintah kerajaan setelah ianya berkhidmat dengan kerajaan selama 50 tahun. Saya terpaksa mengambil

quotation dalam bahasa Inggeris kerana buku itu dalam bahasa Inggeris. Ia telah mengatakan:-

"Bribery is the beginning and root of all illegality and tirany. The source and foundation of every sort of disturbance and sedition. The most vast of evils and greatest of calamities. It is the mind of corruption then which there is nothing whatever more calamitous to the people of Islam or more destructive to the foundation of religion and government. Than these, there is no more powerful engine of injustice and cruelty for bribery destroys both faith and state."

Betapa beratnya tanggungjawab pencegah rasuah Tuan Yang di-Pertua. Kerana rasuah kita tahu begitu cancerous, dengan izin, dan begitu membunuh.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara ini, saya mencadangkan mekanisme pencegahan rasuah dipertingkatkan seperti yang saya sebutkan terdahulu daripada ini. Sama ada teknik dan kemahirannya, kakitangan dan pegawainya ditambah, peruntukan penguatkuasaannya dan juga undang-undang dan peraturan-peraturannya. Saya juga ingin mencadangkan perundangan Akta Pencegah Rasuah dikaji semula dan dipinda untuk keberkesanan perundangan tersebut terutamanya untuk memastikan kes-kes rasuah tidak banyak terlepas tanpa disabitkan kerana kelemahan dan kekurangan perundangan yang ada. Kita memang gembira dan saya pernah mengemukakan soalan dalam Dewan yang mulia ini tentang jumlah kes-kes

rasuah dalam jabatan kerajaan dan jumlah yang diberikan adalah sangat minimum.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya melahirkan rasa tidak senang tentang rasuah ini kerana secara peribadi saya selalu didatangi oleh individu tua dan muda, pekerja dan juga penuntut yang berpelajaran tinggi dan rendah membawa aduan-aduan tentang pengamalan rasuah sama ada di sektor swasta ataupun di sektor kerajaan. Kadangkala perkara-perkara ini kita rasakan sudah menjadi begitu lumrah hingga kita katakan sebagai sebahagian daripada cara hidup ataupun cara menjalankan kerja-kerja di negara. Tetapi saya percaya dan yakin kita semua di sini termasuklah juga kerajaan dan Badan Pencegah Rasuah bersetuju bahawa kita perlu membanterasnya sebelum ianya melarap.

Saya juga percaya kita tidak mahu mengiakan teori Huntington yang menghalalkan rasuah dalam proses pemodenan. Huntington ini banyak menulis tentang rasuah dan juga negara-negara ketiga dan sebagainya. Tentu sekali kita tahu Roh Tae-Woo, Perdana Menteri Jepun, juga di Itali, juga di India banyak perkara rasuah dan kita juga tahu mereka telah terus tidak diampunkan dan dimasukkan ke penjara. Kerana semua dunia mengiktiraf rasuah adalah punca segala ketidakadilan dan penindasan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, perundangan dan sistem perundangan negara seperti yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa merasmikan Konferen Ahli Parlimen Wanita Islam baru-baru ini yang mana Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah menyatakan bahawa sesuatu reformasi ketamadunan memerlukan sebuah masyarakat yang

diwujudkan berlandaskan keadilan, nilai-nilai murni dan compassion, dengan izin dan ditunjang dengan wujudnya satu sistem perundangan yang credible, bertanggungjawab iaitu reliable, dengan izin, dan berkesan. Sistem itu perlulah bebas daripada rasuah dan memberi khidmat kepada semua tanpa mengira kekayaan, kedudukan atau jantina.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengajak kita sama-sama memikirkan ayat 25 Surah Al-Anfal untuk dijadikan panduan dan iktibar. Maksud ayat tersebut:-

"Dan jagalah diri kamu daripada berlakunya dosa yang membawa bala bencana yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus tetapi akan menimpa kamu secara umum."

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail.

#### **4.16 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin menyokong usul iaitu suatu rang undang-undang kumpulan wang bagi meluluskan peruntukan tambahan membiayai beberapa sektor seperti huraiyan di dalam memorandum yang diedarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyentuh sektor-sektor yang mendapat peruntukan tambahan ini iaitu yang pertamanya sektor ekonomi berjumlah RM511,646,000 iaitu 73.4%; sektor sosial berjumlah RM130,200,100 iaitu 18.6%; sektor keselamatan berjumlah RM8,120,000 iaitu 1.3% dan sektor pentadbiran am berjumlah RM46,635,220 yang kesemuanya berjumlah RM697,401,320.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan tambahan yang diagihkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya

yang berjumlah RM11,280,000. Mengikut huraian di dalam memorandum ini, jumlah peruntukan ini ialah untuk kegunaan pilihan raya di Sarawak. Saya ingin mengingatkan kerajaan betapa pentingnya bidang tugas suruhanjaya itu iaitu di dalam wawancara di TV dan radio baru-baru ini, kita mendengar pihak SPR ada menyebut daripada jumlah penduduk Malaysia 20 juta lebih, hanya 9 juta sahaja yang berdaftar sebagai pemilih. Ini bermakna kurang daripada 50% dan sudah tentu kalau diambil kira rakyat yang cukup umur, yang boleh mendaftar sebagai pemilih memang ramai lagi rakyat yang belum mendaftar sebagai pemilih dan tiap-tiap tahun adalah dianggarkan lebih daripada 2 juta yang perlu mendaftar.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kerajaan kita mengamalkan dasar ‘Demokrasi Berparlimen’ yang menentukan bentuk kerajaan ini ialah rakyat melalui parti-parti politik. Jadi, saya menyarankan supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji kemungkinan menjadikan pendaftaran pemilih ini adalah sebagai wajib dan membuat pendaftaran secara terbuka sepanjang tahun, bukan hanya mengikut musim sahaja.

Lagi satu, yang saya nampak ramai rakyat atau penduduk yang layak mengundi tidak mendaftar kerana kesulitan yang timbul untuk pergi membuat pendaftaran. Walaupun sekarang ini kita dapati pendaftaran-pendaftaran itu dibuat di pasar raya, di pejabat dan sebagainya, tetapi yang agak menjadi masalah kurang maklumat dan penjelasan yang diberikan oleh pihak kerajaan

termasuklah pihak Jabatan Penyiaran dan agensi-agensi lain. Jadi, adalah lebih penting apabila berlaku kerja-kerja pendaftaran ini kerajaan perlu memberi iklan yang meluas, adakan penyiaran melalui TV, radio dan sediakan poster-poster yang penting, yang boleh menarik perhatian rakyat.

Saya percaya penuh kalau sekiranya kemudahan-kemudahan ini boleh dipertimbangkan dan bagi rakyat di luar bandar terutama sekali kawasan-kawasan pedalaman di Sabah, di Sarawak dan juga negeri-negeri di Semenanjung, Kelantan, Pahang dan negeri Perak, kerajaan sudah tentu perlu memperbanyakkan pasukan yang bergerak, yang boleh pergi ke kampung-kampung. Dalam melantik pembantu-pembantu pendaftar ini juga pihak SPR perlu memastikan mereka yang betul-betul faham, yang betul-betul bertanggungjawab dan dalam masalah ini saya percaya kerajaan boleh menggunakan pegawai-pegawai yang sedia ada seperti pegawai-pegawai di dalam Kemas, di dalam agensi-agensi lain dan mestilah orang-orang ini diberi kursus, diberi penekanan, diberi panduan dan guidelines. Apabila dalam tempoh tertentu mereka ini menjalankan kerja, pihak SPR perlu mendapat maklum balas untuk mengetahui sejauh manakah seorang pembantu itu menjalankan tugas mereka dengan sewajarnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, di mana kita dapati di sini Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan mendapat peruntukan tambahan sebanyak

RM870,100 dan mengikut memorandum di sini, peruntukan ini ialah untuk kegunaan pemasangan sistem maklumat komputer.

Saya menyebutkan di sini, bahawa peruntukan yang diberi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan ini adalah memang tepat sekali memandangkan kerajaan begitu memberi penekanan kepada soal multimedia dan sebagainya. Tetapi apa yang saya ingin ingatkan Kementerian Pendidikan berilah perhatian lebih kepada melengkapkan kemudahan-kemudahan komputer ini kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

Kita sering mendengar kelemahan-kelemahan pendidikan di sekolah-sekolah luar bandar iaitu di dalam pelajaran matematik dan juga sains. Kita percaya pelajar-pelajar di luar bandar ini selalunya menjadi mangsa di dalam pendidikan. Walau apapun pihak kerajaan telah menyebut bahawa kita akan menjadikan negara kita sebagai negara yang mempunyai falsafah pendidikan atau pendidikan bertaraf dunia. Tetapi kita tidak mahu taraf dunia yang dimaksudkan itu hanya dinikmati oleh pelajar-pelajar yang di dalam bandar sahaja, sedangkan pelajar-pelajar di luar bandar tidak mendapat manfaat daripada pembangunan dan kemudahan yang disediakan. Oleh yang demikian, adalah wajar penekanan ini diberi kepada sekolah-sekolah ataupun jabatan-jabatan yang boleh memberi perhatian kepada kemudahan di sekolah-sekolah luar bandar.

Kita percaya pengetahuan asas mengenai sains dan matematik ini kalau tidak diberi dengan betul kepada pelajar-pelajar di luar bandar, maka pelajar-pelajar ini apabila dipilih memasuki institusi pengajian tinggi kelak akan menjadi masalah kepada mereka dan akhirnya pelajar-pelajar yang cemerlang ini akan menjadi mangsa akibat daripada jurusan yang ditetapkan. Mereka ini seolah-olah dipaksa mengikut satu jurusan yang mereka tidak mempunyai asas yang kukuh. Inilah masalahnya, Tuan Yang di-Pertua.

Berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri saya ingin mengambil peluang peruntukan yang diberi sebanyak RM30,000,010 iaitu kalau mengikut di dalam memorandum ini peruntukan RM30 juta adalah sebagai pemberian geran pelancaran kepada Perbadanan Putrajaya yang telah ditubuhkan pada 1hb. Mac.

Kita percaya kerajaan begitu serius hendak mengubahkan pusat pentadbiran persekutuan ini daripada ke Kuala Lumpur ke suatu tempat yang agak jauh sedikit. Ini mungkin untuk hendak menyusun semula pentadbiran supaya ianya lebih sesuai dengan keadaan semasa sebagai persiapan menuju Wawasan 2020.

Saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Perdana Menteri melalui Kementerian Kewangan yang sudah meluluskan peruntukan RM100 ribu kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator ini. Tetapi di dalam taklimat yang

dipanggil di pihak Unit Penyelarasan, kita telah mengemukakan perkara-perkara untuk mendapat pertimbangan semula iaitu RM100,000 yang diluluskan itu adalah untuk satu penggal selama 3 tahun. Jadi, kita telah kemukakan pertimbangan supaya dapat diberi sekurang-kurangnya RM100,000 itu untuk satu tahun ataupun kalau satu penggal biarlah setengah daripada peruntukan diberi kepada Ahli Parlimen untuk setahun.

Ahli Parlimen setahun mendapat RM300,000, Senator mendapat RM100,000 untuk tiga tahun. Memandangkan keadaan duit sekarang ini kalau kita hendak beri satu-satu peruntukan bantuan kepada perkara-perkara yang diminta. Saya percaya peruntukan RM100,000 itu menimbulkan masalah balik dan saya memberi jaminan, kami Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ini akan menjalankan tugas, akan cuba mengadakan projek-projek yang boleh memberi manfaat kepada rakyat dan juga memberi kesan baik kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi RM100,000 itu kalau boleh biarlah untuk satu tahun, sebab Senator-senator ini mengikut lantikan melalui parti. Melalui kerajaan ialah satu negeri dua orang dan perlantikan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong itu bergantung kepada negeri mana, golongan mana yang dipilih. Oleh sebab itu, kalau kita memandangkan negeri-negeri yang besar, yang luas, yang mempunyai kawasan Parlimen yang banyak, peruntukan kalau katalah dua orang maknanya RM200,000 untuk tiga tahun. Bagi meliputi kawasan yang mempunyai kawasan Parlimen katalah dalam 10

atau 12 kawasan, cuba bayangkan macam manakah hendak agih peruntukan ini kepada satu negeri untuk peruntukan Senator?

Kita tahu ada peruntukan Ahli Parlimen, ada peruntukan wakil rakyat dan sebagainya, tetapi peruntukan ini mengikut garis panduannya amat berfaedah dan berguna sekali kalau sekiranya, ianya dijalankan dengan baik.

Perkara yang saya hendak sebutkan juga ialah bersangkut dengan Jabatan Peguam Negara, seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim tadi, Jabatan Peguam Negara ini peruntukan yang diberikan ialah RM1,988,200. Di sini disebutkan dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi menganjurkan Mesyuarat Menteri Undang-undang Komanwel di Kuala Lumpur pada 15hb. hingga 20hb. April 1996, perkara ini telah berlaku dan juga ini telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan Jabatan Peguam Negara baru-baru ini berlaku sedikit kekecohannya bersangkut dengan ‘surat layang’ yang ditulis oleh seorang peguam. Kita dapat pada masa itu seolah-olah sistem perundangan negara kita sudah tercemar dan rakyat mula hilang kepercayaan kepada proses undang-undang. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap Jabatan Peguam Negara ini akan lebih memberi perhatian kepada masalah-masalah atau kes-kes atau hal-hal yang berkaitan dengan rakyat. Misalnya Yang Berhormat saudara saya tadi menyebut

perkara-perkara yang bersangkut dengan pegawai-pegawai yang kita beri kuatkuasa menjalankan undang-undang sendiri yang membuatkan perkara yang bercanggah dengan undang-undang.

Dahulu kita pernah baca dalam akhbar di Kedah tentang seorang pegawai polis yang menahan seorang tua yang membawa kenderaan, tetapi oleh kerana orang tua itu membawa kereta, dia hendak berhentikan kereta itu dia tak tahu lopak tentang mana, bila tayar kereta dia terkena lopak itu, air itu terpercik kena pegawai polis, bila dia berhenti, polis telah mengambil tindakan menampar pemandu yang tua itu.

Jadi, saya berpendapat perbuatan yang seperti ini kadang-kadang tidak dijangkakan bagaimana ianya boleh dilakukan oleh seorang yang kita beri tugas menguatkuasakan undang-undang? Itu satu kes yang jelas menunjukkan sistem kita ini kadang-kadang menghilangkan keyakinan rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi kes yang boleh kita ambil sebagai contoh, misalannya kes-kes yang dibawa ke mahkamah yang memakan masa terlalu lama, kes-kes yang kadang-kadang rakyat biasa menjadi mangsa akibat daripada mereka kurang pengetahuan, kepada pihak-pihak mana yang mereka harus rujukkan supaya perkara-perkara yang benar-benar perlu pembelaan, keadilan dapat diputuskan mengikut cara yang sebenar. Jadi, masalah ini perlu diberi perhatian oleh Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, bersangkut dengan Badan Pencegah Rasuah. Saya percaya kerajaan perlu mengkaji semula peranan Badan Pencegah Rasuah. Kita tidak mahu nampak seolah-olah Badan Pencegah Rasuah ini masih lagi di bawah telunjuk pihak-pihak tertentu. Adakah mereka ini sebenar-benarnya bebas menjalankan siasatan untuk mendapatkan bukti dan membawa ke muka pengadilan pihak-pihak yang betul-betul melakukan rasuah. Kita tak mahu suatu masa nanti, rakyat ataupun pihak-pihak luar nampak seolah-olah gejala rasuah itu berlaku di pihak yang diberi tanggungjawab tidak boleh melaksanakan untuk membawa ke muka pengadilan.

Misalannya, ada banyak perkara-perkara. Walau bagaimanapun, dalam negara kita kejadian rasuah ini masih boleh terkawal dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selalu menyebut baik di dalam politik mahupun di dalam urusan biasa, rasuah ini kalau tidak dijaga dan tidak dikawal, dia boleh memusnahkan pemerintahan sesuatu negara itu dan boleh menjadi kucar-kacir. Kita tak payah tunjuk contoh, banyak negara-negara lain yang membiarkan rasuah bermaharajalela, akibatnya rakyat yang mengalami kesengsaraan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, bersangkut dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada kementerian ini kerana kita dapati sekarang ini pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah berjaya

membawa masuk pelabur-pelabur dan memberi peluang kepada pelabur-pelabur di negara kita ini untuk membuat usahasama dengan pelabur-pelabur dari luar. Cumanya yang saya ingin minta pihak kementerian ini ialah berilah perhatian kepada negeri-negeri yang kurang diminati oleh pelabur-pelabur ini seperti negeri Perlis, negeri-negeri yang agak jauh sedikit.

Saya percaya penuh pihak pelabur malah kita sendiri pun kalau kita lihat dari segi kedudukan negeri itu sendiri, dari segi kemudahan pengangkutan, dari segi marketing, dari segi faktor-faktor yang tertentu, sudah tentu pelabur-pelabur ini tidak akan memberi keutamaan untuk hendak melabur ke negeri-negeri. Dengan ini bagaimakah cara kita hendak mengadakan pembangunan dengan secara adil supaya seperti yang di dalam RMK-7 yang disebut dahulu, kita hendaklah melaksanakan program ekonomi ini secara adil kepada semua negeri-negeri yang ada di Semenanjung ini.

Menyentuh berkenaan dengan peruntukan kepada kumpulan wang terkanun, kita baru sahaja menerima suatu penyata yakni Kumpulan Wang Amanah Negara, kumpulan wang terkanun kalau ikut dalam memorandum ini iaitu tambahan sebanyak RM830,000 untuk dicarumkan kepada Tabung Biasiswa Sukan Persekutuan bagi pelajar-pelajar cemerlang dalam bidang sukan dan akademik melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri. Jumlah ini telah didahulukan daripada kumpulan wang luar jangka.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebutkan di sini sebab ianya melibatkan pembangunan sukan dan juga pelajar-pelajar. Kita baru sahaja mengikuti siaran terus-menerus daripada Atlanta iaitu pertandingan badminton dan kita telah mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah sebagai penaung kepada Persatuan Badminton Malaysia. Apa yang saya rasa dukacita dan terkilan, kerajaan telah menghabiskan wang yang begitu banyak untuk membangunkan sukan ini, tetapi kita tak tahu di mana puncanya yang bidang sukan ini tidak juga mahu mencapai tahap kemajuan yang seharusnya. Mungkin saya nampak kerana ada pihak-pihak yang menggunakan badan sukan ini untuk hendak commercialised, kesempatan untuk hendak mencari keuntungan. Itu yang lebih, sebab kita perhati sekarang ini daripada peruntukan yang banyak itu, perbelanjaan itu bukan dikhurus kepada latihan bagi meningkatkan mutu sukan, yang diberi kepada atlet-atlet di dalam bidang-bidang tertentu. Bola sepak pun kalau hendak boleh maju bukan kerana pemain-pemain tempatan, kerana kita benarkan pasukan-pasukan negeri ini membeli pemain-pemain daripada luar - masuk. Lepas itu mereka ini yang mendapat duit banyak, sedangkan pemain-pemain tempatan sebagai pengkor, ikut begitu sahaja boleh tumpang main.

Saya nampak seolah-olah macam jadi satu temasya untuk memberi peluang kepada pemain-pemain dan juga pihak yang mengurus sukan ini keluar melawat ke luar negeri, lepas itu pergi ke sana sebut kata, pemain ini tak sihat, orang itu uzur, kawan ini sakit, macam mana, apa cerita ini? Sedangkan kalau kita perhati pemain-pemain negara lain, macam Indonesia, Negeri China, Jepun dan sebagainya, semangat kesukanan mereka itu cukup tinggi. Inilah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab di dalam perkara ini. Sudah tentu kita tahu susunan struktur yang bertanggungjawab dalam bidang sukan ini Majlis Sukan Negara. Saya tak tahu apa yang dibuat oleh pegawai-pegawai dalam Majlis Sukan Negara, adakah kerja mereka minta peruntukan untuk rancang buat program yang duit habis, lepas itu atletkah, peningkatan mutu sukankah tak ambil kisah. Kalau ada duit sedikit buat benda-benda yang boleh jual, boleh dapat keuntungan balik tetapi tentang pembangunan sukan siapa yang bertanggungjawab? Kita tak tahu, akhirnya bila timbul kalah, tak menang, barulah pakat lawan tuduh menuduh, pihak pengurus kata orang ini bertanggungjawab, yang jurulatih pula kata orang ini. Jadi, kita nampak tidak profesional kalau begini. Kalau macam ini keadaannya, saya bimbang mutu sukan negara kita tidak akan meningkat.

Wang yang kita belanjakan habis, jadi, inilah puncanya mengapa pelajar-pelajar sekolah termasuk ibu bapa tidak mahu menggalakkan anak-anak mereka memilih sukan. Sebab sukan itu tidak memberi satu jaminan masa depan

pelajar-pelajar ini sendiri. Saya tak tahu lah, tanya Yang Berhormat yang ada di sini, pegawai-pegawai yang ada di belakang itu, betul ataupun tidak, yang saya nampak begitulah, sukan ini hanya dijadikan alat untuk orang tertentu mencari kekayaan, mencari duit. Itu yang saya nampak! Tetapi tumpuan khusus kepada bidang pembangunan sukan itu, peratusnya saya tidak tahu.

Kita harap pihak Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara akan memberi perhatian. Misalannya, baru-baru ini apabila ada satu pertandingan di Pahang, majlis sukan negeri-negeri membelanjakan wang yang begitu banyak dan kadang-kadangnya pengurusannya tidak profesional, tidak cekap, bawa pergi ke sana, beli pakaian dan sebagainya tetapi bila bertanding, yang ada itu cuma mengambil bahagian sahaja. Malah peningkatan dari segi pencatat masa yang dicapai, misalannya, lumba 100 meter, 200 meter, 400 meter, dia tidak boleh mengatasi rekod di peringkat negeri pun, bila pergi ke sana dia merosot. Mengapakah keadaan yang macam ini boleh berlaku? Di mana salah silapnya?

Jadi, tidak ada guna kita buat padang permainan, buat stadium di setiap negeri dengan banyak, sedangkan peningkatan dalam bidang sepak takraw, bola sepak, badminton, hockey dan sebagainya tak pernah pun berubah, duduk macam itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri, sudah sampai masanya kerajaan perlu mengkaji semula sistem hasil dalam

negeri yang dilaksanakan sekarang ini supaya ianya benar-benar dilaksanakan secara konvensional. Sekarang ini kita dapati masih ada pihak-pihak yang mendapat manfaat dan keuntungan yang cukup banyak dan masih lagi boleh lari daripada membayar cukai, tetapi orang yang susah hendak lari ini ialah pegawai-pegawai kerajaan yang berpendapatan sederhana. Mereka susah hendak lari, mahu tidak mahu mereka terpaksa kena bayar juga dan saya nampak kerajaan perlu kaji semula. Banyak lagi pihak-pihak yang betul-betul mendapat pendapatan yang lumayan, tetapi ada ruang-ruang yang mereka boleh lari. Walau bagaimanapun, kita ucapkan tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri yang sekarang ini sudah tukar menjadi perbadanan kerana berjaya menyusun suatu sistem yang agak lebih lengkap tetapi perlu diberi perhatian supaya ianya tidak membebankan golongan yang berpendapatan rendah. Kalau boleh dikecualikan, diberi kelonggaran lagi kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana ini, kerajaan perlu pertimbangkan.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan sistem yang agak bercanggah kepada pembayar-pembayar cukai yang beragama Islam. Sekarang ini disyaratkan pembayar cukai kena potong gaji bulanan. Cuba bayangkan, bagi pembayar-pembayar cukai yang beragaman Islam, sudah tentu menyulitkan mereka untuk hendak membayar zakat sebab sudah dipotong secara bulanan. Bila dipotong secara bulanan, katalah dia kena bayar cukai

RM3,000, dia hendak bayar zakat katalah RM2,500 - dia membayar zakat ikutlah 2.5% daripada jumlah harta yang cukup haul, yang dia kena bayar itu. Yang dipotong melalui potongan gaji itu berterusan, selepas itu dia sudah bayar lebih - katalah dia bayar zakat RM2,500, dia potong-potong, sudah sampai RM1,000 lebih, makna kata dibayar kepada income tax sudah lebih dan zakat pun dia bayar lebih, bila hendak minta balik, saya dengar dahulu kerajaan kata, kita akan cuba dengan seberapa segera yang boleh refund, tetapi sampai sekarang ini ramai orang yang buat surat, minta, masih lagi memakan masa yang panjang.

Oleh sebab itu, pihak kerajaan perlu mengkaji semula bagi pembayar-pembayar cukai pendapatan yang beragama Islam, yang ingin membayar zakat, sama ada membolehkan mereka itu membayar zakat dahulu, selepas itu kemukakan resit bayaran zakat itu dan kemudian baru dibuat permulaan potongan oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Berhubung dengan Kementerian Kesihatan, saya ingin menyentuh di sini, Kementerian Kesihatan ini adalah sebuah kementerian yang sangat penting dan sangat mustahak. Kita sudah mendengar kemungkinan Kementerian Kesihatan akan menswastakan sektor-sektor yang tertentu dan sekarang ini pun kerajaan sudah pun memberi insentif-insentif tertentu dengan memberi beberapa kemudahan kepada doktor-doktor untuk membolehkan mereka, selepas berkhidmat di hospital, selepas itu boleh juga pergi bekerja dengan

klinik-klinik swasta untuk mendapatkan rawatan tambahan, seperti yang pernah saya sebut. Sekarang ini kita dapat amalan kebanyakan doktor-doktor di hospital ini mereka memberi tumpuan yang agak berbeza - khidmat di hospital kerajaan dan semasa pergi berkhidmat di klinik swasta.

Berkhidmat di hospital, mereka sudah pasti dan sudah terjamin akan mendapat gaji tetap, tetapi bila hendak mendapat tambahan, pergi ke klinik mereka dapat satu lagi. Apa yang menjadi harapan saya ialah supaya doktor-doktor yang berkhidmat di hospital ini memberi khidmat yang sebaik mungkin, bukan, bila sudah tengok pesakit ramai, kadang-kadang tengok, tanya - sakit apa semua, tulis-tulis, beri ubat. Kawan itu sudahlah datang daripada pukul 8.00 pagi, sudah dekat pukul 1.30 atau pukul 2.00 pun belum balik - dapat ubat panadol dengan vitamin - itu sahaja. Dia bukan pernah check dengan cara particular. Saya tidak tahu lah, mungkin kerana ramai dia buat macam itu. Jadi, kalau macam ini keadaannya, cuba bayangkan. Begitu juga di klinik rawatan kecemasan, kalau mengikut peraturan, doktor kena ada 24 jam di situ, tetapi cuba kita pergi tengok di unit kecemasan, bukanlah hospital di Kuala Lumpur ini, tetapi di merata-rata di seluruh negara.

Kadang-kadang pesakit itu dihantar pergi dahulu, waktu itu baru hendak contact doktor, cari doktor. Datang pembantu pun begitu juga, silap-silap orang itu mati begitu sahaja - hak yang serius. Jadi, oleh sebab itu kita nampak di sini kerajaan perlu memberi perhatian. Tidak ada guna kita bincang dalam

Dewan ini bila ada soalan, sebab itu pihak Menteri atau Setiausaha Parlimen pun memberi jawatan kemudian perkara itu berlaku begitu juga. Ini satu perkara yang kita fikirkan tidak berkesan, membazir dan memalukan. Biarlah kita betul-betul bertanggungjawab. Kita tengok di peringkat bawah, kita pergi siasat sendiri perkara yang berlaku.

Kadang-kadang kita hendak kena jadi ‘spy’ juga, hendak kena jadi, macam orang kata ‘special branch’, jangan beri orang kenal (identify) kita, kita kena pergi sebagai orang biasa dan tengok keadaan yang berlaku - benar atau tidak. Pergi itu pula jangan di satu tempat, rata-rata. Di sebelah Pantai Timur kita pergi, Pantai Barat kita pergi, di Sabah dan Sarawak kita pergi, selepas itu bila balik baru kita buat rumusan. Baru kita nampak, the actual thing, dengan izin, apa yang berlaku sebenarnya. Kemudian, dari segi pemberian ubat, saya dapati masih terdapat lagi di farmasi-farmasi - orang yang memberi ubat ini menggunakan ubat-ubat hospital untuk beri kepada keluarga atau sahabat dengan percuma begitu sahaja.

Ini adalah amalan yang perlu diberi perhatian. Saya tidak mahu menuduh secara spesifik, tetapi perkara ini berlaku, baik di klinik, baik di hospital - klinik kerajaan, cuma yang tidak berlaku di klinik swasta, sebab ini kos, duit, mereka akan jaga, tetapi hak kerajaan mereka akan beri percuma. Dan cara ini memang orang yang dapat itu baguslah, tetapi kadang-kadang ada risikonya. Kalau lahir sekiranya ubat yang diberi itu tidak sesuai dengan orang

yang memakannya, sudah tentu ia akan memudaratkan. Oleh sebab itu, amalan yang sebegini, selain daripada ianya rugi dan bercanggah dengan tatasusila di kementerian, ia harus diberhentikan dan kerajaan perlu memandang serius.

Saya juga ingin menyebut berkenaan dengan sumbangan yang diberi oleh pihak tertentu kepada hospital seperti mesin dan sebagainya dari segi perhatian rawatan. Ada berlaku, saya tidak mahu kata secara spesifik, tetapi berlaku perkara yang kadang-kadang di lihat sebagai tidak adil. Misalannya, ada sesetengah pihak, mesin-mesin yang digunakan, misalnya mesin untuk mengubat penyakit buah pinggang ataupun penyakit tertentu yang dihadiahkan oleh pihak tertentu kepada hospital, tetapi mesin-mesin ini diberi kepada orang-orang tertentu sahaja, orang-orang yang sakit, jenis yang sama, kadang-kadang betul-betul memerlukan rawatan itu tidak boleh mendapat alat yang sepatutnya kita beri.

Kemudian perhatian kepada pesakit-pesakit juga, hendaklah dilayan secara adil, jangan dipandang dari segi bangsa, kadang-kadang kita nampak ada unsur-unsur memberi keutamaan kepada orang-orang tertentu kerana dia ini bangsa-bangsa tertentu. Ini tidak harus berlaku. Kita sekarang ini mengamalkan dasar yang tidak memilih bulu dan memilih bangsa. Jadi, kita hendaklah beri perhatian kepada keperluan pesakit-pesakit yang begitu. Saya boleh memberi bukti kalau sekiranya perkara ini diperlukan dan kita boleh dapat daripada pihak-pihak yang tertentu di hospital-hospital, di klinik-klinik dan sebagainya. Kita boleh dapat maklum balas ini daripada rekod rawatan itu sendiri. Ini tidak perlu kita rasa sangsi lagi dan kalau sekiranya pihak kementerian ingin mendapatkan rekod rawatan dalam bahagian-bahagian tertentu, dia boleh dapat nama-nama orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Polis Diraja Malaysia, saya sudah sebut tadi, cumanya saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian

Dalam Negeri. Kalau kita pergi ke Singapura, memang kita akui Singapura itu negerinya kecil, tetapi saya tidak tahu, kadang-kadang kita jalan dalam bandar, kenapa kita tidak nampak polis? Polis tidak ada pun, tetapi orang patuh. Ini satu perkara yang kita hendak buat. Kalau di Singapura boleh buat, mengapa perkara yang sama itu kita tidak boleh buat di sini. Polis di Malaysia ini, kadang-kadang kita nampak rata, di tepi jalan pun ada, tetapi yang malangnya, bila Polis kita nampak, tetapi perkara yang bercanggah dengan undang-undang boleh berlaku. Tanpa Polis dok nampak itu, orang berani buat kesalahan - ini satu perkara yang dari segi moral, dari segi imej sebagai sebuah kerajaan saya rasa tidak patut.

Kalau polis ada sepatutnya perkara-perkara yang semacam ini tidak boleh berlaku. Misalnya samseng-samseng di jalan raya, polis ada sekali pun dia boleh naik motor racing, dia potong. Sepertimana Yang Berhormat Tuan Yim kata tadi, memang kita tidak nafikan. Orang ramai pun kalau keadaan jalan sesak, kereta jam selalu, mereka memang menerima tekanan, ‘pressure’. Kalau kita jadi polis pun, kadang-kadang kita akan ‘tension, strain,’ hendak menghadapinya, hendak cari jalan tangkap dan tulis saman, dengan pula orang-orang begitu begini. Tetapi mengapa perkara ini berlaku? Bagaimana caranya kita hendak atasi masalah ini? Kalau orang lain boleh buat, mengapa kita tidak boleh buat?

Walaupun kita sebut keadaan yang begitu, tetapi kita masih boleh berbangga, keadaan di dalam negara kita masih boleh terkawal. Tetapi apa yang kita hendak sebut di sini, kita ada banyak agensi. Kita ada banyak buat kursus. Kementerian Belia dan Sukan sendiri kata tadi berapa jenis ‘rakan’ apa saya tak tahu yang melibatkan 900,000 lebih buat kursus, tetapi sejauh manakah kesannya. Yang melakukan ini semua adalah terdiri daripada remaja-remaja yang naik motosikal dan sebagainya. Kalau kita tengok peratus orang yang terlibat dengan kes-kes yang bercanggah dengan undang-undang ini, saya berani katakan hampir 90% adalah terdiri daripada orang-orang berumur belasan tahun tetapi

tak lebih daripada 40 tahun. Ini maknanya orang-orang muda, tetapi orang-orang tua tidak berapa sangat. Kalau hal ini boleh dilakukan, dengan program yang kita tengok cukup padat, cukup banyak, maknanya sia-sia kita buat. Kita tidak dapat maklum balas, kita tidak ada ‘follow-up’. Mungkin bentuk kursus yang kita buat itu tidak menjuruskan untuk ke arah hendak mendisiplinkan rakyat. Ini kerja-kerja yang harus kita dapat maklum balas.

Jadi, berhubung dengan polis tadi, saya memang tak bersetuju kalau kita hendak bubuh polis trafik sepanjang jalan lebuh raya dan sebagainya semata-mata kerana hendak tahan kita. Sekarang sudah ada kecenderungan. Lebuh raya ialah tempat kita naik kereta dengan lebih selesa bagi laju. Tetapi kerana had laju 110, lepas itu ada pula ‘road block’, sekarang sudah ada kecenderungan. Semasa saya datang dari Perlis terus ke Kuala Lumpur dengan kereta sepanjang jalan, saya tengok keadaan sudah semakin jadi sesak, kerana apabila nampak polis orang slow ikut speed. Selepas itu, sampai di tempat kena bayar tol, terpaksa kena berhenti, ‘queue’ jadi panjang.

Jadi, tidakkah ini perlu pihak kerajaan, sama ada Jabatan Pengangkutan Jalan atau apakah memikirkan semula sama ada penguatkuasaan yang dibuat 110 kita kena fikir secara munasabah. Apa gunanya polis tahan 110, selepas itu lari lebih balik. Pada hal, yang jadi kemalangan jalan raya berlaku accident bukan berpunca daripada laju, tetapi berpunca daripada kecuaian manusia. Itu sebabnya, dan pihak polis sudah jawab berkali-kali, punca kemalangan di lebuh raya disebabkan pemandu-pemandu cuai tidak mengikut peraturan, bukan fasal laju. Ini pun telah berkali-kali disebut. Perlu kita timbang semula had laju. Kita janganlah ‘rigid’ sangat, sebab lebuh raya tujuannya nak bagi slow, elok. Kenderaan boleh berjalan dengan elok, kita sekat bagi jadi lambat balik, lepas itu “jammed” balik, apa ceritanya? Buat lebuh raya, lepas itu bagi orang jalan lambat-lambat, hendak bagi jam. Saya nampak pelik sedikit. Kalau di tempat-tempat tertentu, dengan sendirinya sampai di situ orang akan slow. Kalau sampai di tempat-tempat sekian, kita laju pula.

Jadi, dahulu dicadangkan supaya ada banyak polis untuk sekat jalan. Itu cadangan yang membazir, yang bercanggah dengan prinsip menuju ke Wawasan 2020. Seboleh-bolehnya polis makin kurang. Di lebuh raya polis tidak payah tunggu lagi. Negara ini teruk, macam mana sampai polis merata ceruk nak kena tunggu. Di corner pun ada, di bank pun ada, sekali-sekala polis pergi tulis, ronda 24 jam. Nampaknya kita bukan rakyat yang disiplin kalau begitu.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkut dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Dahulu saya pernah sebut, kita patut adakan tabika, kelas mengasuh kanak-kanak. Kalau kita menggalakkan ibu-ibu untuk pergi bekerja sama ada di jabatan kerajaan atau di kilang dan sebagainya, tetapi masalah yang dihadapi sekarang ini hendak tinggal kepada siapa anak-anak mereka. Sekarang susah hendak cari pengasuh-pengasuh, daripada Filipina kena bayar duit, gaji pula mahal, tinggal di rumah suruh masak. Mana lagi dengan trafik jam macam di Kuala Lumpur ini. Oleh sebab itu, mengapa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tak guna duit ini, buka tabika, tadi dan sebagainya di jabatan-jabatan kerajaan. Gunakan peruntukan itu. Pada hal, mereka ini kalau kita tengok di dalam memorandum ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, peruntukan tambahan yang diberi ialah RM1 juta dikehendaki untuk membiayai pembukaan 50 buah kelas tabika, sesuai sangatlah.

Bukalah di jabatan kerajaan, di tempat-tempat yang ada kilang banyak untuk memudahkan isteri-isteri yang duduk di rumah, ada qualification dan kemampuan meletakkan anak-anak mereka dan pergi bekerja. Apa salahnya? Saya ingat tak jadi kesalahan, sebab ini berbeza dengan Kemas. Kemas di luar bandar. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat boleh buka kelas-kelas ini di dalam bandar, sesuai sangatlah. Jadi, jangan diberi peruntukan tambahan hendak buat tempat yang jadi ‘overlapping’ yang Kemas pun buat di tempat itu juga, Perpaduan buat di situ juga. Akhirnya macam Kementerian Belia dan Sukan dok buat, beri kursus ‘rakan’ belia dan sebagainya, kerabat bukit, berenang sungai itu-ini, selepas itu tengok-tengok buang bayi, terlibat dengan pelacuran, macam-macam, tak selesai juga. Macam kita dok ‘highlight’ pula dalam paper. Saya minta maaf, terpaksa kena sebut perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkut dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, saya rasa cukup baiklah. Kita ada wakil seorang, dan dia pun nampak boleh bawa balik cerita, sekurang-kurang kerajaan boleh beri perhatian. Cumanya baru-baru ini, kita adalah rakyat Malaysia, walaupun Orang Asli kita kena beri perhatian. Ada Orang Asli merungut fasal pembalakan di Perak. Betulkah Yang Berhormat berlaku di Perak baru-baru ini? Ini pun kita perlu beri perhatian. Kadang-kadang orang yang mendapat lesen membalak, mereka tak ambil kira langsung. Mentang-mentang orang yang duduk itu Orang Asli, mereka boleh buat sewenang-wenang. Kita kenalah fikir kerana mereka pun manusia. Kita janganlah

buat perkara-perkara yang - kebenaran diberi untuk buat kerja tertentu, tetapi mereka pergi buat kerja asalkan hendak kaut keuntungan. Benda yang boleh ambil, termasuk pokok-pokok buah-buahan dipotong dan ditebang habis. Selepas itu, tinggallah keadaan tanah yang menimbulkan masalah. Bila datang banjir dan sebagainya, dengan rumah-rumah tempat Orang Asli buat kerja pun timbul masalah balik. Ini perlu diberi perhatian.

Kemudian, bersangkut dengan Kementerian Penerangan, ada dua perkara sahaja. Saya ingin menyebutkan berkenaan peruntukan tambahan diberi kepada Kementerian Penerangan sebanyak RM5 juta. RM5 juta ini banyak. Kementerian Penerangan setakat ini kita rasa seolah-olah kita adakan Kementerian Penerangan ini untuk apa? Kadang-kadang pegawai-pegawai Penerangan yang kita lantik ini, misalannya saya sebut tadi fasal kereta ‘privilege’. Sepatutnya pegawai-pegawai Penerangan ini memberi penerangan kepada rakyat dalam segala hal, segala perkara bersangkut dengan Wawasan 2020, bersangkut dengan multimedia, bersangkut dengan apa-apa persidangan yang diadakan di Langkawi, semua hal yang bersangkut dan boleh memberi pengetahuan kepada rakyat, yang boleh memberi pengetahuan dari segi ekonomi baik dan sebagainya, pegawai Penerangan ini kena main peranan. Tetapi sekarang, saya minta maaf sama ada betul ataupun tidak, kita rasa dukacita sebab pegawai-pegawai Penerangan kebanyakannya mereka lebih beri perhatian kepada soal-soal politik untuk kepentingan diri mereka sendiri. Mereka kurang memberi perhatian kepada menyampaikan maklumat penerangan yang bersangkut dengan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat. Dan sasaran yang mereka beri perhatian itu pula adalah sasaran yang sama. Kadang-kadang kita tengok buat majlis, gunakan peruntukan sekian banyak, orang yang difikirkan orang itulah juga dalam perjumpaan yang Jabatan Penerangan buat, orang itulah juga yang Kemas buat, orang itulah juga dalam perjumpaan Pejabat Haiwan buat.

Saya nampak dia kerja, mungkin dia buat perjumpaan yang berbeza-beza tadi kerana hendak menggunakan peruntukan yang berbeza-beza di bawah jabatan yang berbeza-beza. Tetapi kalau diselaraskan, katalah Pejabat Haiwan, Pejabat Kemas, Pejabat Penerangan ini - orang yang sama himpun sekali, buat

satu majlis, biar ia memakan masa sedikit, sampaikan maklumat. Ini tidak! Mereka buat majlis-majlis yang bukan berbentuk untuk kepentingan masyarakat tetapi untuk kepentingan politik diri mereka sendiri dan mungkin golongan-golongan yang menggunakan mereka.

Kita harap kerajaan akan memberi perhatian dalam perkara ini supaya fungsi pegawai-pegawai penerangan ini dikaji semula dan kalau boleh, kalau mereka ini nampaknya tidak boleh dikawal, kita jangan benarkan pegawai-pegawai penerangan luar ini terlibat dalam politik. Kalau mereka hendak libatkan diri dalam politik juga, kalau boleh, ubahkan kawasan. Jangan lantik mereka jadi pegawai penerangan dalam satu kawasan itu di mana mereka juga terlibat politik dalam kawasan itu. Misalannya di Kedah, kalau tugasnya di satu daerah di Kubang Pasu, dia terlibat politik di situ - rosak. Mereka sudah tentu akan gunakan kesempatan itu untuk kepentingan politik. Seboleh-bolehnya kalau dia terlibat dalam politik di dalam satu kampung di Kubang Pasu itu, kita lantik dia bertugas di daerah lain terus. Itu mungkin boleh mengurangkan sedikit kepentingan politik. Tetapi kalau itu pun tidak boleh diatasi, haramkan mereka daripada terlibat dalam politik.

Saya nampak sekarang ini kalau fungsi Jabatan Penerangan itu dijalankan dengan baik, dengan sepenuhnya, sudah tentu banyak maklumat yang dapat mereka sampaikan kepada rakyat dari segi Rancangan Malaysia Ketujuh, dari segi pembangunan usaahawan dan berbagai-bagai lagi. Tetapi

malangnya sekarang ini, kadang-kadang kita tidak tahu apa maklumat dan mesej yang mereka sampaikan. Adakah sekadar hendak tumpang majlis jadi pengacara dan sebagainya begitu sahaja? Ini perlu dikaji semula dan perlu dikaji keberkesanan mereka sebagai Pegawai Penerangan Luar.

Kementerian Pengangkutan, tadi saya sudah sebutkan. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkhidmatan teksi. Sebab bas-bas pelancongan ini kita sudah tengok satu peristiwa di Genting Highlands dan selepas JPJ dan jabatan-jabatan lain yang terlibat pun masing-masing tidak berani hendak komen, hendak jawab sama ada perkara itu telah dipastikan. Kita tahu lah kecuaian pemandu ini memang tetap berlaku. Tetapi jabatan-jabatan yang bertanggungjawab terhadap membenarkan bas-bas pelancong yang lama ini untuk membawa orang pergi ke tempat-tempat yang jauh itu, ia tidak boleh ambil sambil lewa sahaja. Mereka mesti menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Kadang-kadang kalau kita test bas itu betul-betul, breknya dengan mengikut speed yang betul-betul perlu, mungkin breknya tidak makan. Mungkin ada bahagian-bahagiannya yang perlu ditukar ganti. Tetapi malangnya kadang-kadang soal-soal sebegini tidak diberi perhatian. Jadi, bila cara macam itu, maknanya ia akan membahayakan nyawa ramai orang.

Berkenaan dengan teksi tadi, saya pernah menginap di Hotel Legend, minta maaf Tuan Rahim. Saya memang berminat dengan hotel itu tetapi kerana tempat itu murah sedikit, sesuai dengan saya, saya duduk di situlah, hendak

makan pun senang. Teksi tidak masuk di tempat teksi. Orang tekan lampu isyarat memanggil teksi, dia tunggu di luar. Rupa-rupanya bila saya turun di situ dan tanya, kalau dia masuk ke atas, orang masuk dalam teksi, dia kena ikut meter. Tetapi bila tunggu di bawah, dia boleh negotiate. Dia kata, "Berapa encik berani bayar?" Saya kata ikut meterlah. Dia kata kalau ikut meter dia tidak mahu pergi. Dia beri alasan traffic jam dan sebagainya. Bila kata bayar banyak ini, kita sanggup, naiklah. Jadi, cara macam ini saya nampak ia akan menimbulkan suatu keadaan nanti semakin ramai orang yang dapat permit teksi, gunakan teksi tetapi macam bubu. Dia gunakan kesempatan. Dia tidak beri perkhidmatan. Teksi ini adalah satu perkhidmatan untuk orang ramai. Cuba bayangkan, teksi berderet-deret, orang tunggu di atas tidak boleh naik. Lepas itu dia demand.

Jadi, sama ada kerajaan timbang untuk naikkan tambang teksi ataupun kalau ada berlaku macam itu, mereka mesti jalankan penguatkuasaan. Bila ada orang tanya dia, kalau ada JPJ macam mana? Dia sanggup kata, pegawai JPJ kata kalau boleh pandai-pandai berkira, jalanlah. Kalau boleh berkira dan orang yang hendak naik itu pun setuju hendak bayar, jalanlah, macam itu.

Jadi, saya nampak seolah-olah orang boleh main-mainikan undang-undang semata-mata kerana hendak cari duit lebih. Ini satu perkara yang tidak patut dibiarkan. Sama ada kerajaan kaji untuk naikkan tambang teksi mengikut yang berpatutan ataupun kalau ada pemandu-pemandu teksi yang

menyalahgunakan dan memberi masalah kesulitan kepada orang ramai, mesti diambil tindakan dan saya percaya pihak pegawai JPJ dan polis ini mungkin tidak mampu sekarang ini. Kadang-kadang ada kejadian baling batu, sekat di tengah jalan dan sebagainya. Perkara yang macam ini kalau kita biarkan, ia boleh mengancam pentadbiran sebuah kerajaan negeri. Bahaya perkara semacam ini. Oleh sebab itu, kerajaan perlu memberi perhatian kepada perkembangan yang tidak sihat ini.

Yang penghabisan sekali Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan. Memanglah wujudnya kementerian ini adalah amat sesuai dan baik sekali. Tetapi, apa yang kita harapkan supaya peranan Kementerian Pembangunan Usahawan ini kalau tidak silap kita sudah mendapat kad jemputan yang mana kementerian ini akan memberi taklimat khusus bersangkut dengan UDA dan juga MARA. Kementerian Pembangunan Usahawan ini satu kementerian baru yang bidang tugasnya lebih ke arah hendak melahirkan usahawan-usahawan baru.

Apa yang saya ingin sebut di sini ialah perkembangan melahirkan usahawan-usahawan baru ini. Sekarang ini memang ramai usahawan baru terutama sekali usahawan-usahawan bumiputera. Tetapi yang kita nampak sekarang usahawan-usahawan baru ini yang telah mendapat manfaat hasil daripada usahawan-usahawan yang telah berjaya itu, ia tidak langsung memikirkan cara hendak membantu usahawan-usahawan yang harus wujud di

tempat masing-masing. Cumanya yang kita tengok, orang yang dapat peluang dan berjaya dalam bidang usahawan dia cari jalan hendak cari untung yang lebih banyak, lepas itu kalau hendak beri vendor pun kepada orang-orang yang ada kaitan, yang mungkin dia boleh dapat keuntungan daripada keuntungan vendor itu sama.

Ini satu proses yang sihat dari segi perkembangan pembangunan usahawan secara individu itu sendiri tetapi tidak sihat kepada negara. Sebab dia tidak membantu usahawan-usahawan lain. Mereka harus sedar, mereka berjaya itu kerana bantuan kerajaan. Kerajaan beri peruntukan dan beri benda-benda yang boleh survive, boleh jalan dan mereka berjaya dan oleh sebab itu kementerian ini perlu beri perhatian, syaratkan usahawan-usahawan yang diberi bantuan ini supaya mereka juga boleh membantu mewujudkan beberapa usahawan di bawah mereka pula. Bukan setakat berjaya mereka sahaja lepas itu biar orang lain yang hendak hidup, hendak maju, usaha sendiri. Ini tidak akan membantu dari segi ekonomi penduduk-penduduk di luar bandar. Saya yakin penuh kementerian ini masih lagi boleh mencari jalan. Misalannya salah satu jalan yang dibuat ialah dirombak semula MARA. Ini suatu tindakan yang cukup baik, cumanya jangan ambil tindakan rombak, selepas itu bila tentang perjalannya kita tidak buat follow-up. Yang lain-lain yang jadi macam itulah. Kita tidak pernah buat follow-up. Kita tunggu timbul satu-satu perkara, waktu itu baru hendak tengok apa berlaku, hendak cari di mana punca.

Sepatutnya kalau sekiranya kerajaan kata kurang mampu, tidak ada kakitangan, apa salahnya lantik kami Senator-senator ini duduk dalam board itu sama? Bukan hendak ambil gaji. Tidak beri pun tidak apa. Beri elaun sedikit-sedikit, boleh tumpang makan sudahlah. Lantik Ahli-ahli Yang Berhormat Senator duduk di dalam Lembaga Penswastaankah, di mana-mana tempat yang sesuai ataupun beri Yang Berhormat menjadi ahli di bahagian audit untuk pergi tengok. Sekurang-kurangnya kami ini dilantik secara rasmi yang membolehkan kami ambil tahu bersangkutan dengan perjalanan sesuatu lembaga ataupun perbadanan itu.

Jadi, kalau tidak ada orang mengawas, ertinya kita biar semata-mata. Kalau mereka guna wang mereka sendiri, tidak menjadi masalah. Ini menggunakan peruntukan wang kerajaan dan wang kerajaan bermakna wang rakyat. Mereka tidak rugi. Mungkin duit itu sudah masuk dalam simpanan mereka di luar negeri. Mereka memang senang macam itu juga. Syarikat itu satu kerugian. Sebab itu kerajaan terpaksa cari duit lain untuk pulihkan balik. Rakyat yang rugi.

Jadi, oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah-masalah yang sebegini, kerajaan boleh mewujudkan mekanisme bagi memastikan perjalanan hal-hal yang bersangkut dengan Perwaja.

Sekarang ini UDA, MARA hendak diperbadankan, lantik orang ini masuk. Selepas itu kalau tengok orang ini tidak berfungsi jangan tunggu dan

bila timbul sesuatu perkara *hanky-panky* baru hendak siasat dan hendak ambil tindakan, sudah nampak ada bunga-bunga orang ini dok pakat semua - buang lembaga itu, lantik orang lain, pecat atau buang. Syarat mula-mula kalau kita hendak lantik dia jadi pengarah urusan dan sebagainya, kita mesti tahu latar belakangnya, harta dia ada banyak mana, beri jaminan (secure), sekurang-kurangnya kita boleh pegang, besok bila berlaku apa-apa, menyebabkan dia yang melakukan penyelewengan itu, sekurang-kurangnya kita boleh ambil balik, dia kena bertanggungjawab, adakan responsibility dari segi moral. Ini tidak ada langsung, bila terlibat dengan jenayah boleh lepas tangan free sahaja, biar orang lain dok fikir, tanggung masalah. Ini adalah satu perkara yang kurang sihat dan perlu diberi perhatian.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan bantuan untuk pelajar-pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran, seperti yang pernah saya sebut dahulu, sampai sekarang pun pihak Kementerian Pembangunan Usahawan di bawah MARA belum lagi membuat satu keputusan yang boleh diterima. Misalannya yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba tadi, apa yang MARA dengan JPA buat dan ada negeri-negeri lain buat?

Sekarang ini mereka beri pinjaman (loan). Kita sign itu dalam bentuk pinjaman, kalau pelajar-pelajar ini lulus dalam masa mengikut tempoh yang sebenar, selepas itu keputusan pula baik, dia akan timbang untuk dijadikan biasiswa. Tetapi apa yang saya hendak sebut ini, kalau pelajar-pelajar itu dia

sign agreement sebagai pinjaman (loan) selepas itu kalau sampai satu peringkat tidak mengikut peraturan atau syarat-syarat yang dikenakan, tetapi hendak terus belajar juga. Mengapa diberhentikan tengah jalan? Pada hal benda ini loan, dia patut release, pelajar hendak kena bayar balik. Ini mungkin satu perkara yang MARA overlook, dia tidak kaji balik, sudah tiga suku jalan diberi, tiba-tiba kerana ada perkara teknikal macam itu pergi berhenti - buang, budak ini kalau diberi peluang melanjutkan pelajaran dia boleh lulus - tamat, selepas itu bila dia kerja, dia kena bayar juga. Ini masih lagi belum beri keputusan - ramai lagi.

Pihak MARA kena buat satu laporan, dapatkan maklumat berapa ramai pelajar-pelajar yang dihantar ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran termasuk Amerika, U.K., Australia atau ke mana-mana yang tidak dapat dikesan. Selepas itu bagaimana kedudukan loan mereka ke atas perkara-perkara yang berlaku ini, kita tidak boleh senyap begitu sahaja. Ini merugikan, sepatutnya kena ada follow-up dan hubungan di antara wakil pelajar yang ada di luar negara dalam institusi pengajian tinggi ini hendaklah dia berhubung selalu dengan ibu bapa, bukan senyap macam timbul saya kata tadi. Seperti kerugian yang berlaku di Perwaja baru waktu itu timbul. Bila timbul sesuatu kata pelajar-pelajar ini tidak ambil peperiksaan ataupun gagal, waktu itu baru hendak beritahu, berilah laporan sepanjang masa, sekurang-kurangnya 6 bulan sekali, tulis pergi kepada ibu bapa beritahu, anak encik yang belajar sekian-sekian ini, didapati macam ini - macam ini, barulah perkara ini diberi perhatian

oleh ibu bapa. Ini tidak, dengar-dengar kata berhenti bantuan, tidak beri pinjaman, sebab-sebabnya tulis macam itu. Ini adalah satu perkara yang sangat membazir. Saya berharaplah pihak Kementerian Pembangunan Usahawan akan mengkaji semula berkenaan dengan kedudukan pelajar-pelajar ini.

Sekarang ini kita dengar pula mungkin pelajar-pelajar ini akan diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam negeri dan di luar negara pun akan dibuat twining programme, secara bersama ini memang baik. Tetapi pelaksanaan itu yang penting, bukan setakat buat program, program itu siapa pun boleh buat, tetapi pelaksanaan itu hendaklah bermanfaat, berfaedah dan tidak merugikan mana-mana pihak.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rang undang-undang ini dan saya memohon maaf kalau sekiranya ada benda-benda yang di luar pengetahuan saya, yang agak melanggar tata susila. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusop.

**5.15 ptg.**

**Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakanlah sokongan saya terhadap pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi di atas kejayaan beliau menerajui negara selama 15 tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara Malaysia, pada hari ini telah menjadi satu pusat pembangunan serantau bahkan boleh dikatakan Malaysia telah mula menjadi tumpuan dan menjadi pusat pembangunan dunia. Namun demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak ‘ahmak’ dengan pujian-pujian dan beliau menekankan bahawa segala pujian itu sepatutnya dikongsi bersama oleh rakan-rakan termasuklah rakan-rakan dalam kabinet dan semua sektor termasuklah Ahli-ahli Dewan Negara yang begitu gigih, bersama-sama memberi pandangan dalam apa juga usaha yang telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau juga telah memberi ucapan setinggi-tinggi dan penghargaan terhadap pemimpin-pemimpin yang lampau, yang telah banyak meletakkan batu asas untuk pembangunan negara, sama-samalah kita berdoa kepada Allah S.W.T agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dikurniakan Allah kesihatan untuk terus menerajui negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kementerian telah mengemukakan Anggaran Pembangunan (Tamb.) 1996 ini, khususnya daripada Jabatan Perdana Menteri sendiri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri,

begitu juga Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan tidak ketinggalan Kementerian Penerangan sendiri.

Saya tidak berhasrat untuk menyentuh banyak perkara. Yang ingin saya menyentuh ialah tentang Kementerian Penerangan. Kita semua tahu bahawa Kementerian Penerangan mempunyai peranan besar untuk membentuk minda rakyat di negara ini. Saya rasa peruntukan yang lebih patut juga diberi kepada kementerian ini selain daripada apa yang telah dikemukakan pada hari ini, terutama sekali di sektor penapisan filem. Perkara ini pernah saya sentuh di dalam ucapan RMK-7 yang lampau. Dilaporkan di dalam sebuah akhbar pada tahun 1995 sebanyak 28,591 judul filem telah dikemukakan kepada Lembaga Penapisan Filem dan 8,864 adalah cerita-crita untuk tayangan di T.V. Daripada 8,864 jodol cerita itu 5,330 telah diluluskan tayangannya tanpa sebarang suntingan dan sebanyak 2,865 telah diluluskan penayangannya dengan suntingan. Jadi, jumlah yang telah diluluskan pada tahun berkenaan ialah sebanyak 8,195.

Memandangkan begitu banyak filem-filem yang telah dihantar untuk penapisan, tidak hairanlah kita bahawa banyak filem-filem ataupun babak-babak yang sepatutnya ditahan telah dilepaskan untuk tayangan. Perkara ini telah disentuh seperti yang saya katakan tadi didalam sesi Dewan yang lepas oleh beberapa orang ahli Dewan. Adegan-adegan seperti babak yang

bertentangan dengan akidah, adegan-adegan yang bercanggah dengan tata susila masyarakat terus ditayangkan sehingga pada hari ini. Amalan bunuh diri dengan minum racun, bukan sahaja saya menyentuh bahkan ada beberapa orang ahli Dewan yang turut menyentuh perkara ini. Sebagai contoh baru-baru ini satu filem yang ditayangkan oleh media T.V yang mana dua orang wanita terperangkap mempunyai seorang suami yang dikasihi dan kedua-dua wanita ini memang berkawan rapat antara satu sama lain. Untuk menyelamatkan rumah tangga rakannya, jadi si isteri tadi salah seorang daripadanya mengambil keputusan untuk membunuh diri supaya suaminya yang dikasihi dapat meneruskan kehidupan dengan rakannya.

Tetapi malangnya, rakannya pun mengambil keputusan yang sama, dia pun minum racun juga untuk menyelamatkan rakannya. Jadi, kedua-duanya matilah, tinggallah si suami ini dengan dua orang anak mengakhiri babak filem itu. Apa yang saya maksudkan di sini filem itu berakhir dengan begitu sahaja, tidak ada pengajaran untuk menyatakan bahawa perbuatan itu salah, perbuatan bunuh diri, perbuatan minum racun ini salah, ia seolah-olah satu lumrah masyarakat yang diterima oleh masyarakat.

Ada juga filem yang ditayangkan menceritakan seorang ibu meninggalkan anaknya di tangga rumah salah seorang daripada penduduk yang ada di kampung dia itu, mungkin tidak menjadi kesanggupan untuk membela anak, ditinggalkan anaknya lepas itu minum racun, mati di situ. Dan anaknya

itu akhirnya dibela oleh tuan rumah di mana dia ditinggalkan itu menjadi seorang dewasa yang begitu berjaya dalam hidupnya. Ini seolah-olah membawa satu implikasi bahawa membunuh diri adalah perbuatan yang perlu direstui kerana dengan dia membunuh diri itu, anaknya terselamat, anaknya akan menjadi seorang yang berjaya.

Baru-baru ini dalam ruangan pembaca seorang pembaca menyatakan rasa kesalnya di salah satu akhbar yang ada di negara kita ini, ada dalam ruangan pembacanya ialah rasa kesalnya kerana sebuah stesen TV menyiarkan cerita di mana seorang ketua kampung yang berpegang teguh kepada ajaran agama Islam, dengan keadaan kecewa dalam suasana yang kecewa kerana ahli keluarganya ataupun masyarakatnya ditimpa beberapa kemalangan, beliau telah mencerca, telah mencaci Allah Yang Maha Esa dan mencabar untuk meninggalkan agama sekiranya apa yang diharapkan itu, sekiranya penderitaan yang dialaminya itu tidak dihapuskan oleh Allah. Kalau dalam filem-filem Hindu biasa kita lihat, penganut-penganut Hindu pergi di hadapan Tuhan dan mencaci, memaki hamun Tuhan, tetapi ini tidak dibenarkan oleh agama Islam. Dan kebiasaan ini telah terbawa-bawa kepada penganut-penganut Islam dan ditayangkan pula di kaca TV di negara kita. Kita kerap mendengar bahawa pihak KDN telah mengambil tindakan ke atas media-media cetak yang menyiarkan rencana-rencana yang mencemarkan kesucian Islam dan Rasulullah.

Tetapi kita belum dengar lagi pihak KDN mengambil tindakan terhadap media TV ataupun media elektronik yang lain. Saya berharap sangat agar pihak-pihak yang bertanggungjawab di dalam hal ini khususnya Kementerian Penerangan, Kementerian Dalam Negeri dan juga Pusat Islam akan dapat mengambil tindakan sewajarnya.

Saya menyentuh perkara ini dalam ucapan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dengan harapan supaya pihak-pihak yang berkenaan itu memandang serius kerana perkara ini telah ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini dan telah ditimbulkan juga di dalam beberapa buah akhbar. Tetapi pihak yang bertanggungjawab masih lagi tidak mengambil berat dan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya. Kalau untuk melaksanakan ini diperlukan peruntukan tambahan bagi kementerian-kementerian berkenaan, terutama sekali bagi maksud mempertingkatkan lagi kelengkapan dan peralatan dan juga bilangan kakitangan, kemukakanlah di Dewan ini untuk diperimbangkan supaya ini jangan dijadikan sebagai satu alasan, kepincangan yang telah saya sebutkan tadi. Kita bimbang budaya bunuh diri ini apabila kecewa, meninggalkan anak di merata tempat dan amalan sesat seperti yang kerap ditayangkan di kaca TV menjadi kebiasaan dan ikutan orang ramai di negara ini, lebih-lebih lagi pada hari ini ada kemudahan untuk meninggalkan anak.

Pada hari ini pun kita terbaca dalam akhbar ada syarikat telefon menawarkan talian percuma kepada sesiapa sahaja yang ingin meninggalkan

anaknya, bolehlah telefon tanpa mengenalkan diri mereka siapa, meninggalkan anaknya di mana berilah tahu kepada pihak yang berkenaan. Inilah budaya yang telah kita lihat dan tonton di dalam media-media yang saya katakan tadi dan budaya ini akan diamalkan di negara kita ini.

Jadi, saya berharap sangat agar pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya memandang perkara ini sebagai sesuatu yang serius, yang perlu ditangani dengan saksama, bukan hanya sekadar mengatakan bahawa kita ada dua badan penapis filem dan mereka bertanggungjawab untuk melaksanakan tugasnya, tetapi benda ini terbiar begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, setakat itu sahajalah yang ingin saya perkatakan dan saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) untuk tahun 1996. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Pihak menteri dijemput untuk menjawab.

#### **5.26 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dan saya akan pergi secara keseluruhan untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Senator Hajah Rahaiah binti Baheran telah menyatakan mengenai kemudahan-kemudahan dan infrastruktur di Kementerian Kesihatan, di mana

infrastrukturnya bagus tetapi doktornya keluar dan pergi terutamanya di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini apa yang dilakukan oleh kerajaan khususnya kementerian ialah supaya dapat kita meramaikan lagi doktor-doktor kita dan juga doktor-doktor di tempat yang lain berkhidmat di negara kita ini supaya dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan.

Apa yang sedang dilakukan ialah, pertama, kita akan memanggil pulang doktor-doktor kita di luar negara supaya dapat berkhidmat balik ke negara kita seperti juga yang sedang dilakukan ke atas profesion-profesion yang lain dan kita berharap bahawa seruan ini akan disambut baik oleh doktor-doktor kita, warganegara kita yang sedang berkhidmat di luar negara.

Yang keduanya, ialah kita mengambil doktor-doktor kontrak daripada negara-negara jiran supaya dapat mereka datang berhijrah ke tempat kita dan memberikan perkhidmatan mereka atas dasar kontrak.

Yang ketiganya, sekarang ini Kementerian Dalam Negeri telah pun meluluskan bersama-sama dengan Jabatan Imigresen supaya dapat kita mempercepatkan isteri atau suami, warganegara kita iaitu spousesnya jika terdiri daripada kelulusan kedoktoran dapat berkhidmat dengan kerajaan dan akan diberi kelonggaran secepat mungkin.

Akhir sekali, apa yang sedang dilakukan ialah meminta doktor-doktor ataupun penuntut-penuntut yang mengambil bidang ini apabila tamat pengajian

di luar negara dan ingin mengadakan housemanship dirayu pulang untuk berkhidmat di negara kita selain daripada penuntut-penuntut kita yang membuat housemanship di tempat mereka belajar.

Jadi, kita berharap dengan langkah-langkah ini dapat kita menambah bilangan doktor dan kemungkinan infrastruktur yang telah sedia ada dapat diisi dan perkhidmatan dapat diberi dengan sebaik mungkin.

Kedua, Senator Hajah Rahaiah telah pun mengatakan mengenai perancangan pembinaan sebuah pusat kesihatan dan klinik desa, tentang keperluan jawatan yang perlu diisi. Kadangkala klinik-klinik desa ini telah siap tetapi pegawai-pegawaiannya tidak ada untuk berkhidmat di situ. Sememangnya perjawatan yang diluluskan bergantung kepada infrastruktur yang telah dibuat dan kita mengharapkan nanti bahawa perkara-perkara ini akan dapat diteliti dengan sepenuhnya oleh pihak kementerian dan buat masa ini, untuk perhatian Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, nisbah doktor kepada penduduk Malaysia bagi tahun 1995 ialah doktor perubatan - 1:2,204 orang dan doktor pergigian - 1: 11,687 orang.

Mengenai masalah Kementerian Pengangkutan yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Rahaiyah mengenai segelintir pemandu teksi di Kuala Lumpur yang tidak bersopan santun, tidak beretika dan sebagainya, saya teringat masa dahulu kita ada, apabila kita melancarkan “Tahun Melawat Malaysia”, kementerian yang berkenaan telah pun mengadakan kursus-kursus kepada

pemandu-pemandu teksi supaya lebih berhati-hati, supaya lebih merendahkan diri dan bercakap dengan lemah lembut kepada penumpang-penumpang yang menaiki kenderaan mereka. Kalau tidak salah saya dahulu pun, kerajaan membekalkan “Odorono” kepada pemandu-pemandu teksi, tetapi malangnya kita lihat kadang-kadang operasi-operasi seperti ini hanya merupakan sekejap sahaja dan kita berharap Persatuan Pemandu Teksi akan mengadakan kursus sesama mereka supaya dapat kita mempertingkatkan lagi etika profesi pemandu teksi.

Mengenai terdapat segelintir pemandu teksi di Kuala Lumpur yang enggan memberi menggunakan meter ataupun membawa penumpang untuk pergi ke destinasi yang diperlukan, ini memang benar berlaku dan telah pun selalu di siarkan di dalam akhbar. Apa yang selalu dilakukan oleh JPJ ialah menyediakan hotline bagi menerima aduan-aduan orang ramai berhubung dengan perkhidmatan teksi itu dan ada juga kadangkalanya pegawai-pegawai JPJ menyamar sebagai penumpang-penumpang teksi untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang terperinci.

Mengenai citizen errors yang diamalkan supaya kes-kes seperti ini dapat dilakukan, saya suka maklumkan kepada Dewan ini tidak ada peruntukan undang-undang bagi melaksanakan citizen errors bagi kesalahan jalanraya.

Untuk menjawab permasalahan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba mengenai peruntukan RM400 juta biasiswa pelajaran

MARA, ingin saya menyatakan di sini bahawa RM400 juta itu bukan sahaja mengenai biasiswa kerana peruntukan yang diberi kepada biasiswa hanyalah sebanyak RM253 juta tetapi perkara-perkara lain seperti elaun pelatih, emolumen, perbekalan perkhidmatan pejabat, bahan makanan pelajar, bahan latihan, perkhidmatan perubatan dan perundingan dan lain-lain dan total ataupun secara keseluruhannya adalah berjumlah RM400 juta.

Mengenai RM50.00 yang diberi kepada pelajar-pelajar dan ditarik balik, ini merupakan satu dasar baru kerajaan. Sekiranya yuran penginapan dan makanan diberi dan disediakan, maka wang sebulan RM50.00 yang diberi itu bukan merupakan geran dan bukan pinjaman, tidak akan diberi lagi, kecuali jika terdapat, di bandar-bandar besar di mana penuntut-penuntut tinggal di luar kerana tidak cukup tempat, maka kerajaan ataupun MARA akan memberi elaun sara hidup sebanyak RM310 sebulan sebagai pinjaman am.

Ada juga diutarakan mengenai Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk dibandingkan dengan CIDB, ingin saya maklumkan di sini bahawa Pusat Khidmat Kontraktor berfungsi untuk mendaftarkan kontraktor-kontraktor kerja awam dan kontraktor-kontraktor kerja elektrikal untuk tujuan memasuki kontrak-kontrak kerajaan dan juga membuat pengiktirafan taraf bumiputera bagi syarikat-syarikat yang memenuhi syarat Pekeling Perbendaharaan dan juga PKK adalah menjadi pusat rujukan kontraktor sedangkan CIDB hendaklah didaftar oleh semua kontraktor-kontraktor, oleh semua pekerja-pekerja mahir

dan di sini kita akan mewujudkan standard atau piawai bangunan dan juga melatih pekerja-pekerja mahir dalam bidang pembinaan.

Senator Tuan Rahim Baba juga bertanyakan mengenai penyelidikan ubatan yang dikatakan bahawa ada satu pokok di Sarawak yang boleh mengubat HIV. Saya teringat di masa dahulu ada satu kes di mana UPM telahpun membuat penyelidikan mengenai tongkat ali tetapi ada satu kumpulan yang lain telah mencurigai methodologi penyelidikan itu. Jadi, tongkat ali belum lagi diberikan satu petanda yang sahih kepada perubatan orang lelaki. Di sini kita berharap juga kementerian nanti akan melihat bahawa rumput rampai dan tumbuhan-tumbuhan yang ada di negara kita ini akan dikaji dan untuk dibuat paten supaya orang-orang dari luar negara tidak dapat meniru ataupun mengeksplorasi perkara-perkara ini.

Mengenai dengan demam denggi, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa penyakit demam denggi ini sangat berleluasa sekarang dan operasi sedang dijalankan oleh Majlis Bandaran tetapi malangnya nampak tidak berterusan, yang mana bila penuntut-penuntut sekolah meninggal dan sebagainya, barulah diadakan penguatkuasaan. Sekarang apa yang kita perlukan ialah Kementerian Kesihatan sedang membuat satu program tarbiyah ataupun pendidikan supaya semua orang yang terlibat yang tinggal di bandar, terutamanya, akan melihat bahawa keadaan di sekeliling rumah bersih untuk mengelakkan denggi.

Wang Amanah Skim Biasiswa, saya sangat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Rahim supaya kalau boleh bukan sahaja dihantar tape untuk pemain-pemain kita di luar negara yang mendengarkan kata-kata rangsangan ibu bapa dan keluarga yang tersayang, tetapi juga, di satu ketika nanti, di satu tahap kita bawa ibu bapa mereka bersama supaya dapat memberi rangsangan dan motivasi kepada pemain-pemain kita. Ini satu rangsangan dan cadangan yang bagus dan kita akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Senator Mustaffa Kamal telah menyatakan mengenai ubat-ubatan yang tidak berkualiti dan juga ubat-ubatan yang terdapat di merata-rata tempat. Perlu kita nyatakan di sini bahawa pihak berkuasa farmasi senantiasa peka tentang perkara ini dan kita akan mengambil ingatan. Tetapi mengenai ubat-ubat yang dijual atau ubat-ubat yang terhad, yang boleh dijual oleh farmasi swasta, apa yang sedang kita lakukan ialah farmasi swasta apabila hendak menjual ubat kepada clientnya ia mestilah mendapatkan satu surat pengesahan dari pegawai perubatan dan nama serta kad pengenalan mereka dicatit supaya ubat yang dibeli itu dibuktikan sangat perlu.

Mengenai langkah-langkah yang akan diambil bagi membaiki keadaan fizikal di Hospital Bahagia, Tanjung Rambutan, Perak, saya sangat berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengutarakan perkara ini dan pihak kementerian telah pun mengadakan peruntukan sebanyak RM354,000 untuk memperbaiki balik Hospital Bahagia, Tanjung Rambutan

dan cadangan Yang Berhormat supaya pegawai-pegawai dan staff yang dikatakan tiga suku staff di sana menjadi “tiga suku”, kita berharap pihak kementerian akan cuba memindahkan mereka ke tempat yang lain seperti mana cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun, sekarang ini kita sedang mengupgrade, mempertingkatkan lagi hospital-hospital psikatri ini, contohnya di Sungai Buloh, kita ada satu hospital yang moden dan juga di Kulai, Johor dan kita berharap di masa-masa yang akan datang hospital-hospital ini akan dipertingkatkan lagi.

Mengenai tapak perindustrian di Kuala Kangsar yang diperkatakan di atas bukit dan sebagainya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa keluasan tapak itu ialah 101 ekar, dan bilangan unit kilang yang akan ditempatkan itu sebanyak 198 unit, kos infrastruktur sebanyak RM12 juta, dan gerakan kerja yang diluluskan ialah sebanyak RM9 juta, dan agensi pemaju tempat yang dikatakan Yang Berhormat ialah Malaysian Industrial Instate Ltd. (MII) dan perkara ini sedang diambil perhatian sepertimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal juga telah bertanyakan mengenai kelewatan pindaan Akta Penyiaran dan juga masalah parabola. Suka saya nyatakan di sini bahawa Akta Penyiaran akan dibentangkan dalam persidangan Dewan pada penggal akan datang, iaitu bulan Oktober tahun ini. Kelewattannya adalah disebabkan pandangan daripada kementerian-kementerian lain, seperti Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos belum diperolehi. Dakwaan Yang Berhormat mengenai terdapat tawar-menawar di antara pihak kementerian dengan Binariang berkaitan dengan keluaran parabola, saya rasa itu merupakan satu khabar-khabar angin. Di sini, ia merupakan satu perkara yang tidak benar.

Senator Datin Hajah Wan Intan telah membahaskan dengan panjang lebar mengenai budi bahasa pegawai-pegawai kita di hospital. Pandangan ini sungguh bagus, dan Kementerian Kesihatan

telah pun mengambil perkara ini dengan seriusnya. Kementerian Kesihatan akan mengadakan latihan-latihan komunikasi, latihan-latihan ‘interpersonal communication’ kepada staf-staf kita di hospital. Begitu juga Tuan Haji Abu Bakar telah pun mengatakan masalah yang sama. Kita berharap dengan adanya reformasi pentadbiran yang dilakukan oleh MAMPU, dan tiap-tiap bulan September kita mengadakan ‘Hari Kualiti dan Bulan Kualiti’, kita berharapkan nanti kualiti perkhidmatan di Kementerian Kesihatan akan bertambah baik lagi.

Senator Datin Hajah Wan Intan juga telah menyarankan mengenai bangunan Kolej DCA sudah uzur, sudah lama, sudah nampak tidak begitu selesa lagi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita akan membina satu bangunan yang baru. Buat sementara waktu nanti, kita akan mengalihkan operasinya ke satu tempat di Subang Jaya.

Senator Datuk Ibrahim Ali telah menyatakan kesukaan, kebanggaannya mengenai ITM yang telah dinaikkan taraf, sama ada bolehkah ITM menjalankan dan memberi degree seperti juga di universiti? Sebagai satu catatan, saya sendiri telah pun menghubungi dua minggu lepas kepada Pengarah Pentadbiran di ITM kerana pada bulan September ini genap ITM berusia 40 tahun, dan di konvokasyen tersebut akan diadakan banyak pameran-pameran, peristiwa-peristiwa kenangan lama. Saya telah pun meminta Pengarah Pentadbiran ITM membuat satu jemputan secara peribadi kepada Datuk Haji Ibrahim Ali mengenang jasa-jasanya yang sudah ke depan.

Mengenai cadangan Perwaja hendak diswastakan, kita telah pun tahu bahawa Maju Holdings telah pun diberi ‘receivership’, sama juga dengan Khazanah, mesyuarat sedang diadakan di EPU dan kata putus belum diperolehi. Sekiranya kata putus telah diperolehi nanti, kita akan memberitahu kepada orang awam.

Mengenai Senator Datuk Haji Ibrahim Ali meminta kalau boleh peruntukan-peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan supaya ditahan dahulu kerana kononnya Kerajaan Negeri Kelantan belum berfungsi dengan bagus kerana ada perbalahan, suka saya nyatakan di sini Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Kewangan telah pun meluluskan peruntukan bagi setengah tahun yang awal. Mengenai perkara yang setengah tahun lagi, kita akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong telah pun memperkatakan mengenai RM100,000 dan begitu juga yang diutarakan oleh Tuan Haji Abu Bakar Ismail, peruntukan RM100,000 adalah

diberikan kepada tempoh satu penggal sahaja. Satu taklimat telah pun diadakan di Unit Penyelarasan Pelaksanaan pada 31hb. Julai, 1996 semalam, jam 9.00 pagi. Semua Ahli Dewan Negara telah pun dijemput hadir, malangnya cuma 40 orang sahaja yang dapat hadir untuk mendengar taklimat bagaimana peruntukan-peruntukan itu dapat diberi. Kementerian Kewangan telah pun bersetuju supaya peruntukan-peruntukan itu akan diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, dan ia tertakluk kepada garis panduan yang telah diberikan bersama.

Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong juga menyatakan bahawa SPR patut melantik ‘Returning Officer’ atau Pegawai Pendaftar supaya orang-orang yang berkredibiliti tegas, jujur dan sebagainya. Ingin saya maklumkan di sini bahawa pilihan raya bermusim 5 tahun sekali, kemungkinan 4 tahun sekali. Apa yang dilakukan ialah untuk melantik pegawai-pegawai Returning Officer ini terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, selalunya apa yang kita lakukan supaya ada kursus-kursus, taklimat-taklimat dan juga melihat kembali kesilapan-kesilapan yang telah berlaku di masa yang lalu supaya dapat diatasi pada kali ini. Saya berharap nanti pihak SPR akan mengambil ingatan untuk tidak melantik mereka yang terlibat yang menunjukkan sifat-sifat yang negatif untuk menjalankan tugas-tugas pilihan raya.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Tuan Haji Hamzah minta laluan.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit. Peruntukan yang dipohon itu untuk pilihan raya di Sarawak, adakah kerajaan bersedia peruntukan untuk pilihan raya di Kelantan?

**Tuan Ding Seling:** Ini soalan baru.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Apabila perkara itu berlaku, kita akan bersedia dengan peruntukan-peruntukan luar jangka untuk mengendalikan pilihan raya yang berkenaan.

**Tuan Ding Seling:** Sila teruskan.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yim juga telah meminta supaya diadakan kursus menjalankan siasatan mengenai CPC, seksyen 117 dan 113 kepada Pasukan-pasukan Penyiasat Jenayah PDRM. Pihak PDRM akan mengambil perhatian dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, buat masa ini pendedahan pegawai-pegawai dan anggota-anggotanya dengan tatacara penyiasatan melalui kursus-

kursus telah pun dijalankan dan kita akan memperkuatkan lagi, memberi banyak lagi kursus-kursus dalam perkhidmatan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan.

Mengenai agar diadakan kempen kawan baik di antara polis dan orang ramai, oleh kerana pegawai-pegawai polis dan anggota-anggota polis terlalu ramai, tentulah ada the black sheep, dengan izin. Walau bagaimanapun, kempen seperti ini sangat bagus dan pihak Polis DiRaja Malaysia juga sedang menjalankan kempen seperti ini dan kita harapkan kempen ini akan terus berleluasa ke pelosok tanah air kita.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim meminta penjelasan tentang garis panduan sama ada kes dapat didakwa di mahkamah atau tidak oleh Peguam Negara. Sebelum keputusan dibuat sama ada untuk mendakwa seseorang atau tidak, semua keterangan yang ada hasil daripada siasatan oleh pihak polis atau pihak-pihak yang berkenaan, agensi-agensi penyiasat yang lain diteliti dahulu sehalus-halusnya. Hanya apabila dapat dipastikan bahawa pendakwaan itu akan berkesudahan dengan sabitan setelah dilihat pada setiap usul yang perlu dibuktikan oleh pendakwa mengikut undang-undang dalam pendakwaan kesalahan yang berkenaan barulah keputusan dibuat untuk mendakwa orang yang berkenaan. Jika ada keterangan yang tidak lengkap, maka pendakwaan tidak akan dibuat dan tidak akan diteruskan.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail telah pun mengatakan mengenai jumlah penduduk Malaysia seramai 20 juta, hanya 9 juta sahaja yang

mendaftar, buat masa ini SPR sedang menjalankan kempen dalam berbentuk promosi, lagu jingle dan sebagainya. Sasaran kita kepada pertamanya golongan sasaran iaitu pegawai kerajaan sendiri yang kebanyakannya kadang-kadang tidak mendaftar dan kadang-kadang tidak mengundi. Yang keduanya, pekerja-pekerja kilang. Yang ketiganya, pelajar institusi pengajian tinggi, penduduk-penduduk di kawasan perumahan baru, kampung-kampung dan tanah-tanah Felda dan Felcra. Pandangan Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh SPR mengenai perkara ini.

Satu lagi ialah mengenai mengadakan nursery, tadika-tadika dan sebagainya di jabatan-jabatan dan juga di tempat-tempat pekerjaan di pihak swasta, Kementerian Kewangan telah pun memberikan insentif-insentif yang cukup dan juga surat pekelilingan kepada jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian supaya dapat mengadakan nurseri-nurseri ini. Kalau tidak di dalam bangunan di tingkat bawah, yang paling tinggi di tingkat satu, kalau tidak di persekitaran kompleks kerajaan itu. Dan bagi pihak swasta, kerajaan telah menyediakan insentif-insentif supaya dapat dikurangkan cukai atau dilepaskan cukai apabila dibuat nurseri-nurseri yang berkenaan.

Mengenai perkhidmatan doktor dan sebagainya yang dikatakan tadi, saya telah menjawab bersama dengan Senator Hajah Wan Intan. Mengenai pelajar-pelajar MARA yang membuat pinjaman, selepas itu mereka tidak mahu balik dan hendak melanjutkan pelajaran, apa yang berlaku sekarang ini ialah pihak

MARA mempunyai perancangan pembangunan kemanusiaannya sendiri dan meminta para lulusan mereka untuk pulang dan berkhidmat di Institut Kemahiran MARA, di ITM dan di tempat-tempat yang lain. Jika mereka tidak berkhidmat dan terus tinggal di luar negeri, itulah sebabnya pinjaman itu diputuskan dan tidak diberi lagi supaya dapat mereka pulang dan berkhidmat dulu dengan MARA dan selepas itu mengikut dalam perkhidmatan, tiga tahun barulah mereka dilepaskan kembali untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Masters dan Ph.D.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya mengenai saranansaranan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika ada saranansaranan, pandangan-pandangan yang tidak dapat saya jawab, saya akan menelitiinya dan akan meminta kementerian-kementerian yang berkenaan untuk memberikan pandangan mereka. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masaalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan,dan disetujukan.

Rang Udang-undang dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah disetujukan tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993 dan 1994) 1994 dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.57 ptg.****Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) 1991, (Akta 452) dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

**Tuan Ding Seling:** Baiklah.

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini pada amnya berkaitan dengan perkara-perkara berikut:-

- (i) untuk membolehkan KWSP menubuhkan perbadanan dan anak syarikatnya;
- (ii) untuk membolehkan ahli membuat pelaburan dalam institusi pengurusan dana yang diluluskan oleh menteri;
- (iii) untuk memperkemaskan definisi sekuriti Kerajaan Malaysia;
- (iv) untuk memberi kuasa kepada menteri bagi meminda, menambah atau mengubah sekatan had pinjaman kepada anak syarikat KWSP;
- (v) pindaan yang berkaitan dengan urusan pembayaran dividen; dan

(vi) pindaan-pindaan lain seperti struktur organisasi lembaga KWSP serta memperkemaskan urusan pentadbiran dan penguatkuasaan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP merupakan sebuah institusi sosio ekonomi terulung di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi sumber kewangan kepada 7.6 juta ahli atau warisnya apabila mereka bersara, berlaku kematian atau hilang upaya berasaskan Akta KWSP 1991, (Akta 452). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cadangan supaya Akta KWSP 1991, (Akta 452) dipinda selaras dengan keputusan untuk membenarkan ahli-ahli terlibat dalam pelaburan saham di samping menyelaraskannya dengan perubahan struktur organisasi dan meluaskan keupayaan KWSP untuk melabur. Pindaan ini dicadangkan untuk memperkemaskan urusan pentadbiran dan penguatkuasaan KWSP serta untuk menghasilkan pulangan yang berpatutan dan stabil ke atas simpanan ahli-ahlinya.

Pindaan-pindaan utama yang dicadangkan ke atas Akta KWSP 1991 (Akta 452) melalui rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan tarikh bagi mula berkuatkuasanya rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan meminda akta dengan menggantikan perkataan “Pengurus Besar” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”. Fasal ini juga bertujuan memotong perkataan “Timbalan Pengurus Besar”. Pindaan ini dibuat

supaya gelaran jawatan selaras dengan perubahan pesat fungsi dan aktiviti lembaga.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 2 akta, bagi memperuntukkan suatu definisi kepada perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

Fasal 4, bertujuan meminda perenggan 26A(2)(c) untuk memberi kuasa kepada menteri mengubah apa-apa had yang dikenakan ke atas jumlah amaun pinjaman anak syarikat KWSP. Pada masa ini syarikat yang diluluskan dan terlibat dengan peruntukan ini adalah Malaysia Building Society Berhad (MBSB) iaitu anak syarikat KWSP. Bagi membolehkan MBSB membantu KWSP melaksanakan projek-projek pembinaan rumah kos rendah dan sederhana, sekatan had pinjaman di bawah seksyen 26A(c) perlu dipinda bagi membolehkan KWSP memberikan pinjaman seterusnya apabila diperlukan oleh MBSB.

Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 26B(3) dengan memotong perengaan (d) supaya ianya tidak membawa maksud bahawa Sekruiti Kerajaan Malaysia (SKM) juga termasuk apa-apa bon yang dikeluarkan oleh sebarang syarikat, walaupun kekuahan dan jaminannya kurang daripada SKM.

Fasal 6, bertujuan memasukkan seksyen baru 26C yang memberi kuasa kepada KWSP untuk menubuhkan satu perbadanan atau syarikat dengan kelulusan menteri.

Pindaan bertujuan untuk meningkatkan lagi aktiviti pelaburan KWSP terutamanya dalam sektor harta tanah dan membolehkan KWSP mengendalikan pengurusan harta tanah yang akan diceburi.

Fasal 7 bertujuan memasukkan ahagian baru 3A dengan seksyen baru 29A bagi membolehkan pencarum KWSP melaburkan amaun yang berada pada kreditnya di dalam institusi pengurusan dana yang diluluskan oleh menteri untuk meningkatkan pulangan purata pelaburan.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 30 yang memberi fleksibiliti kepada KWSP untuk menentukan nama jawatan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan membolehkan perlantikan beberapa pegawai atau pengkhidmat lain tanpa kebenaran menteri.

Fasal 9 dan 10, masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 31 dan seksyen 33 untuk menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan KWSP.

Fasal 11 bertujuan meminda subseksyen 45(3) bagi membolehkan bahawa kadar dividen terakhir yang diisyiharkan hendaklah digunakan bagi pengiraan dividen yang perlu dibayar oleh majikan yang mengemukaan caruman selepas tempoh yang ditetapkan bagi tahun berkenaan sekiranya kadar dividen pada tahun itu masih belum diisyiharkan.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 50 untuk menjelaskan bahawa dividen adalah dibayar ke atas amaun yang berada di dalam kredit seseorang ahli.

Fasal 13 bertujuan meminda subseksyen 54(2) bagi menghadkan pilihan ahli yang telah membuat pengeluaran penuh untuk mencarum semula.

Fasal 14 bertujuan memasukkan dua seksyen baru, 54A dan 54B. Seksyen 54A memperuntukkan bahawa pembayaran dividen hendaklah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh KWSP dari masa ke semasa.

Seksyen 54B menjelaskan penentuan tarikh pengeluaran bagi pembayaran yang dibuat melalui waran atau dengan cara yang lain.

Fasal 15 bertujuan memasukkan seksyen baru 59A bagi memperuntukkan bahawa mahkamah boleh memerintahkan seseorang yang didapati bersalah di bawah seksyen 59(b) untuk mengemukakan apa-apa perakuan atau dokumen yang dikehendaki oleh Akta KWSP.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 71 dengan memberi kuasa kepada menteri menentukan fee dan caj yang dikenakan kepada ahli-ahli dan institusi pengurusan dana di bawah skim pelaburan ahli-ahli KWSP serta membuat peraturan-peraturan berhubung dengan skim pelaburan tersebut.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 73 untuk memberi kuasa kepada lembaga membuat kaedah-kaedah yang berhubung dengan pelaburan dibawah peruntukan Bahagian IIIA.

Fasal 18 bertujuan meminda perenggan (5), Jadual Pertama untuk memastikan seseorang yang ditahan di Pusat Pemulihan Dadah tidak diiktiraf sebagai pekerja mengikut akta. Fasal ini juga adalah untuk meminda perenggan-perenggan (6), (7) dan (8) Jadual Pertama oleh kerana rujuan kepada Republik Singapura tidak lagi diperlukan.

Fasal 19 dan 20 masing-masing bertujuan untuk meminda Jadual Kelima dan Keenam memperuntukkan bahawa amaun yang dilaburkan hendaklah tidak dikira sebagai sebahagian dari kredit ahli bagi tujuan pengiraan amaun tambahan masing-masing atas sebab kematian dan ketidakupayaan.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

Fasal 21 bertujuan memasukkan jadual baru yang ketujuh ke dalam akta untuk menggariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh KWSP berhubung dengan penubuhan sesuatu perbadanan atau anak syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan-pindaan ini secara keseluruhannya akan menentukan perundangan yang lebih kemas dan komprehensif bagi tujuan pengurusan dan operasi KWSP, di samping mempertingkatkan lagi keupayaan KWSP melabur serta membantu membangunkan industri pengurusan dana negara.

Dengan pindaan-pindaan yang disyorkan ini, saya yakin bahawa peranan dan aktiviti KWSP dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Tuan Rahim bin Baba.

#### **6.08 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab mengenai KWSP tadi, 6 pindaan utama di dalam akta ini.

Saya hanya ingin menyentuh beberapa pindaan yang khusus dan seterusnya ingin membuat pertanyaan-pertanyaan dan juga penjelasan-penjelasan. Memanglah KWSP yang telah pun ditubuhkan di bawah Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tahun 1951 telah pun memainkan peranan dan juga telah pun memberikan manfaat kepada pencarum-pencarum seperti

mana yang telah pun diperjelaskan tadi, yang berjumlah lebih daripada 7.6 juta ahli yang mempunyai caruman lebih daripada RM85 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut KWSP semua kita adalah terlibat baik secara langsung ataupun tidak, tambahan pula sekarang ini khasnya pegawai-pegawai kerajaan sendiri pun, kerana dengan termansuhnya skim pencen bermakna boleh dikatakan bukan hanya mereka yang bekerja di sektor swasta, tetapi juga mereka yang akan bertugas di masa hadapan di sektor kerajaan juga akan terlibat dengan KWSP ini. Dianya merupakan satu badan yang sebagai badan pemegang amanah.

Kita mengalu-alukan apa sahaja usaha-usaha untuk menambahkan pendapatan kepada KWSP. Salah satu daripada cadangan yang dibuat dalam akta ini ialah untuk membolehkan KWSP menujuhkan syarikat-syarikat di bawah Fasal 26C.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, kita memang sentiasa mengalu-alukan kalau KWSP ingin mencari usaha untuk mendapatkan lebih banyak lagi pendapatan untuk pencarum-pencarum. Tetapi pada masa yang sama juga telah banyak pengalaman kita dan saya berharap kepada pihak kerajaan khasnya Kementerian Kewangan akan memastikan supaya tidak ada badan-badan perniagaan yang mengambil kesempatan untuk mempergunakan kewangan yang terdapat di dalam KWSP. Janganlah KWSP dijadikan sebagai lender of last resort, dengan izin, sudah tak dapat memohon pinjaman di tempat yang lain digunakan KWSP untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman.

Sejarah telah pun banyak membuktikan, kita telah pun tahu apa yang telah pun berlaku kepada pinjaman yang diberikan kepada Perwaja, usah kita timbulkan lagi soal-soal itu dan baru-baru ini pun, saya lihat KWSP telah pun sungguh giat memberikan pinjaman-pinjaman umpamanya di Projek Bakun, KWSP menjadi satu entiti yang mempunyai kepentingan yang banyak di Projek Bakun bersama-sama dengan badan-badan lain seperti SOCSO dan juga pihak-pihak yang jadi penganjur kepada Projek Bakun. Bermakna untuk Projek Bakun, KWSP adalah sebagai suatu shareholder.

Saya sungguh terperanjat, Projek Bakun yang bernilai RM13.6 bilion apabila dibuatkan pengumuman oleh Pengerusi Bakun, boleh dikatakan hampir-hampir 70% ataupun 80% daripada business yang didapati daripada Projek Bakun disalurkan kepada beberapa syarikat yang dimiliki oleh pihak-pihak yang ada kepentingan iaitu pihak EKRAN, pihak Pacific Chemical, Whembley dan sebagainya. Sebulan sebelum itu, kita dengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita mengatakan syarikat-syarikat gergasi jangan mengambil peluang-peluang perniagaan, hendaklah diberikan kepada pihak-pihak yang lain.

Saya menimbulkan perkara ini kerana KWSP ada mempunyai kepentingan, apakah peranan KWSP dalam ini, KWSP di dalam syarikat ini bukannya hanya sebagai untuk memberikan pinjaman, tetapi juga sebagai satu shareholder, sebagai pemegang saham. Seminggu sebelum itu, Timbalan

Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai projek-projek besar di negara ini telah membuat pengumuman, syarikat-syarikat gergasi yang dapat projek hendaklah mengagih-agihkan kepada syarikat-syarikat kecil, jangan semuanya dibolot oleh anak-anak syarikatnya. Selepas itu, berlakulah sepertimana yang di Projek Bakun apabila telah pun di tandatangani perjanjian itu, boleh dikatakan 70% ataupun 80% daripada kerja-kerja untuk Projek Bakun yang bernilai RM13.6 bilion telah pun diserahkan kepada syarikat-syarikat yang mana Tan Sri Ting, kalau tidak silap saya mempunyai kepentingan-kepentingan.

Jadi, di mana peranan KWSP di sini? Kita tidak mahu sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan untuk memperalatkan KWSP untuk kepentingan-kepentingan tertentu. Jadi, saya berharap sangatlah kepada pihak kerajaan kerana segala duit yang digunakan ini adalah duit rakyat, duit orang ramai, ini bukannya duit bank ataupun duit kerajaan, ini adalah duit kita, duit rakyat dan duit pekerja-pekerja yang 7.6 million orang yang disebutkan tadi ini. KWSP hanya sebagai pemegang amanah, kita tak mahu berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, yang telah hangus, walaupun dijamin oleh kerajaan, di dalam Perwaja itu tak apalah, itu kita sudah boleh, apa yang telah berlaku itu sudah berlakulah tetapi untuk masa-masa yang akan datang, saya berharap kerajaan khasnya KWSP akan memikirkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada cadangan di dalam akta ini ialah tentang dibenarkan pencarum-pencarum KWSP untuk membuat pelaburan dalam saham-saham dana amanah yang ditubuhkan ataupun yang diluluskan oleh kerajaan, tetapi apabila saya meneliti walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebut tadi, tetapi dari pembacaan saya, saya dimaklumkan hanya bagi mereka yang mempunyai simpanan lebih daripada RM50,000 sahaja yang dibenarkan untuk melabur di dalam saham-saham amanah yang dijamin pendapatannya adalah saya percaya lebih tinggi daripada 7% ataupun 8% yang diberikan oleh KWSP melalui dividen-dividen kepada pemegang-pemegangnya.

Tetapi kalau kita lihat di bawah sistem ini, itu pun saya dimaklumkan hanya dibenarkan 20% daripada apa yang berlebih daripada RM50,000 di dalam simpanan. Ini tidak menguntungkan mereka yang berpendapatan rendah, hanya kalaualah seseorang itu mendapat gaji RM1,000 sebulan, bermaknanya kalau kita anggap tak ada kenaikan gaji setahun dia boleh simpan dalam KWSP RM2,400, selama 20 tahun baru dia dapat RM48,000.

Jadi, bermaknanya orang yang berpendapatan RM1,500 ataupun RM2,000 ke bawah tidak ada kemungkinan untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Yang mendapat untung, yang mendapat peluang untuk mendapatkan pendapatan yang lebih, pulangan yang lebih daripada 7% ataupun 8% yang ditawarkan oleh KWSP sekarang ini ialah mereka yang berpendapatan

tinggi, yang mendapat gaji RM5,000 ataupun RM10,000 sebulan. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak KWSP supaya menggunakan kaedah yang lain, saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab kerana duit ini dia kata, supaya pelaburan di dalam pasaran saham ini mungkin mendatangkan kerugian ataupun sebagainya. Tetapi kita mesti ingat, ini adalah pilihan yang dibuat oleh pemegang saham sendiri ataupun pencarum-pencarum kepada KWSP sendiri, bukannya sebagai satu mandatori. Jadi, mereka ini boleh membuat pilihan, kalau difikirkan KWSP hanya memberikan dividen 7% ataupun 8%, mereka itu dibenarkan sebahagian daripadanya melabur dalam Amanah Saham Bumiputera, umpamanya ataupun Amanah Saham Wawasan yang akan dilancarkan tidak berapa lama lagi. Ini dijamin oleh kerajaan, dapat dividen 14% ataupun 13%. Jadi, kaedah yang lain, kalau menggunakan kaedah yang ini, bermakna orang yang berpendapatan tinggi sahaja yang akan dapat menikmati ini, orang yang berpendapatan bawah daripada RM2,000, saya tak percaya dia akan dapat menggunakan kaedah mengatasi RM50,000 dibenarkan untuk melabur di dalam saham-saham amanah yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Saya harap tak payahlah saya cadangkan kaedah yang macam mana, itu terpulanglah kepada bijaksana Kementerian Kewangan dan juga pegawai-pegawai daripada KWSP untuk memikirkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal dividen yang telah pun diberikan oleh KWSP. Saya sempat membaca di khutub khanah tadi, saya

lihat pada tahun 1952 di bawah Akta Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, dividen yang ditetapkan ialah tidak kurang daripada 2 1/2%, itu ditentukan pada tahun 1952 dahulu, masa itu saya pun baru lagi dua, tiga tahun masa itu. Hari ini pun di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pun masih juga lagi dividen mesti sekurang-kurangnya 2 1/2%, walaupun pada tahun 1960 telah pun dipinda supaya dividen sekurang-kurang 4% dan saya pun terperanjat, biasanya orang kalau membuat pindaan kepada better, ini balik kepada asal pada tahun 1951. Pada tahun 1960 kita telah membuat pindaan supaya sekurang-kurangnya 4% dan saya berharap walaupun boleh diarguekan, boleh dipertikaikan angka 2 1/2% ini sekurang-kurangnya, tetapi saya fikir dalam keadaan-keadaan sekarang supaya ada lebih komitmen kepada KWSP, biarlah kita mengenakan satu dividen yang lebih munasabah.

Saya tak mahu apabila baru-baru ini KWSP lewat sedikit mengeluarkan dividen, biasa telah diberi 8%, lepas itu diberi 7.1% atauun 7.2% barulah kita sedar rupa-rupanya di dalam akta ini sekurang-kurangnya 2 1/2%, maknanya apa yang KWSP buat itu memang tidak menyalahi, tetapi di dalam keadaan sekarang, kemungkinannya pada tahun 1952 dahulu kadar faedah semasa pada masa itu agaknya 2% ataupun 3%. Saya pun tak tahu pada masa itu. Jadi, kadar faedah yang dimanfaatkan kepada pemegang-pemegang saham ini biarlah sesuai dengan keadaan sekarang, sekurang-kurangnya 6% ataupun mengikut pasaran simpanan di bank ataupun sebagainya, tidak terikat kepada 2 1/2%,

bermakna kalau KWSP beri 2 1/2% pun kita tidak boleh mempertikaikan lagi, kerana memang kita telah bersetuju pada tahun 1991 dahulu pun kita telah bersetuju dan sekarang kita pun telah mempersetujukan kadar faedah yang akan dibayar ini dan saya berharap kepada pihak KWSP akan dapat memikirkan soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin menyentuh ialah soal pengeluaran. Memanglah sekarang ini KWSP mempunyai beberapa skim, satu skim tunai - 60%, 30% dimasukkan di bawah skim perumahan, kalau kita hendak keluarkan untuk membeli rumah dan 10% lagi di bawah skim penjagaan kesihatan. Ini memang skim yang telah pun ditetapkan KWSP. Saya juga ingin mencadangkan supaya ditambahkan satu lagi skim pengeluaran iaitu khas untuk pendidikan bagi membolehkan mereka menghantar anak-anak mereka untuk belajar di luar negeri. Saya tidak mencadangkan supaya kesemuanya (100%) boleh dikeluarkan. Sekarang ini kita ada skim 6,3,1, kalau kita tambah lagi satu skim boleh kita jadikan 4-3-2-1 ataupun sebagainya - maksud saya 40%, 30%, 20% dan juga 10%.

Ini akan membantu kepada ibu bapa yang tidak berkeupayaan. Sekarang ini MARA pun sudah potong biasiswa, badan-badan kerajaan pun sudah potong, jadi, sekurang-kurangnya dia boleh gunakan duit yang terdapat di dalam simpanan ini untuk pendidikan anak-anak. Saya tahu mungkin kementerian akan menjawab, dia kata "tujuan skim ini ialah untuk masa depan,

masa tua - betul untuk masa tua, tetapi saya tidak mencadangkan kesemuanya untuk skim pendidikan, saya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk mereka.....

**Tuan Rahim bin Baba:** Saya kena anticipate dahulu tentang apa yang hendak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sudah dapat agak, kemungkinan itu yang akan dijawab. Jadi.....

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya akan jawab lain....

**Tuan Rahim bin Baba:** Oh, jawab lain, tidak apa. Jadi./*Ketawa!* Bila kita ada Timbalan Menteri yang terlampau bijak ini, itu yang susah, sebab dia sudah dapat agak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal dia seronok bila Yang Berhormat sebut mereka-mereka - itu yang dia seronok sangat.

**Tuan Rahim bin Baba:** Jadi, saya berharap supaya skim pengeluaran dapat dilebihkan iaitu kepada skim pendidikan untuk membantu ibu bapa dalam menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah skim pengeluaran ini juga, biasanya kita mengeluarkan kewangan ini apabila cukup umur 55 tahun. Saya terbaca satu artikel di dalam suratkhabar, kebanyakannya orang yang baru mendapat duit pada umur 55 tahun - katalah dapat RM50,000, RM100,000 ataupun sebagainya, dari segi kajian, dua atau tiga tahun selepas itu duit itu habis dibelanjakan. Jadi, saya berharap satu kaedah boleh dibuat, seolah-olah seperti

pencen, maknanya bila cukup 55 tahun hanya 50% diberikan kepada pencarum dan 50% lagi dimasukkan ke dalam satu dana lagi iaitu dana yang hendak ditubuhkan tadi dan dana ini akan diberikan secara bulanan supaya ianya boleh menampung, sekurang-kurangnya untuk tempoh 20 tahun lagi. Jangka hayat kita sekarang ini 73 tahun, maknanya lebih kurang 20 tahun - cukuplah. Sekurang-kurangnya ada satu skim yang sedemikian.

Saya tahu KWSP ada skim pengeluaran berkala sekarang ini, tetapi di bawah skim ini pemegang-pemegang hanya mendapat dividen mengikut apa-apa sahaja yang ditetapkan oleh KWSP. Saya mengharapkan apabila cadangan untuk membenarkan duit ini dimasukkan dalam satu dana yang ditubuhkan oleh kerajaan ataupun yang ditubuhkan oleh KWSP sendiri untuk melabur dan selepas itu duit itu diberikan kepada pencarumnya secara beransur-ansur mengikut bulanan. Ini lebih memberikan jaminan.

**Tuan Yang di-Pertua** Dari satu hal, apa yang dibuat dengan RM50,000 ini kalau tidak ada skim seperti yang Tuan Rahim cadangkan?

**Tuan Rahim bin Baba:** Saya tidak tahu, saya tidak ada membuat research, tetapi dari segi pembacaan saya, dia kata dalam masa 2 ataupun 3 tahun duit yang RM50,000 yang dikeluarkan itu sudah habis dibelanjakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis kemana tidak tahu?

**Tuan Rahim bin Baba:** Itu saya tidak tahu.

**Seorang Ahli:** Kahwin baru. *[Ketawa]*

**Tuan Rahim bin Baba:** Tidak mungkin, sudah tua - 55 tahun, hendak kahwin baru apa lagi? *[Ketawa]*. Jadi, saya mengharapkan supaya skim pengeluaran cara berkala dapat difikirkan. Yang ini untuk kepentingan skim insurans atau sebagainya, itu terpulanglah. Saya percaya KWSP mempunyai pakar-pakar untuk memikirkan cara-cara pengeluaran yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pengeluaran ini juga dinyatakan bahawa kita boleh mengeluarkan apabila mati atau umur 55 tahun, tidak berupaya lagi ataupun telah meninggalkan Malaysia. Saya juga ingin mencadangkan supaya difikirkan, kadangkala terdapat juga pencarum-pencarum yang hilang pekerjaan, tidak ada pekerjaan, sudah kena retrench, sudah kena buang kerja, umpamanya, untuk 2 tahun dia tidak ada kerja ataupun 3 tahun dia tidak ada kerja, macam mana dia hendak sara anak-anak atau isterinya, pada hal duitnya ada di KWSP. Satu kaedah harus difikirkan bagaimana, sekurang-kurangnya dia boleh menggunakan sebahagian daripada kewangannya di dalam KWSP ini untuk menyara keluarganya. Betul, duit ini untuk dia berumur 55 tahun, tetapi kalau untuk 2 atau 3 tahun dia tidak bekerja, dia tidak dapat menghadapi masalah, mungkin kerana terlampau sangat mengalami tekanan jiwa, dia pun meninggal begitu sahaja, tidak dapat juga, kena juga keluarkan duit itu.

Jadi, fikirkan satu kaedah bagaimana duit ini boleh digunakan apabila menghadapi masalah-masalah hilang pekerjaan untuk satu-satu tempoh ataupun sebagainya. Bukannya dicadangkan untuk dikeluarkan semua, sekurang-

kurangnya sebahagian daripada simpanan yang ada itu boleh dikeluarkan oleh pencarum-pencarum seperti yang telahpun saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai perkara yang terakhir, kerana kemungkinan hari Isnin saya tidak berada di Dewan ataupun saya terlambat datang ke Dewan, kerana ada urusan lain.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sudah beri notis terlebih dahulu.

**Tuan Rahim bin Baba:** Ya. Perkara terakhir yang ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah mengenai, setahu saya semua jenis penggajian dan elaun yang tetap biasanya dikenakan potongan KWSP. Kita yang membuat undang-undang, apa-apa fixed allowance, apabila saya check saya punya elaun sebagai Ahli Dewan Negara, saya tengok tidak ada potongan KWSP pun. Jadi, saya tidak tahu, ada dua standard. Kita membuat undang-undang mesti ada potongan elaun-elaun yang tetap.

**Seorang Ahli:** Kita ada pencen.

**Tuan Rahim bin Baba:** Oh, kita ada pencen, ya betul. Sudah dijawab pun. Saya terlupakan pencen. Saya tidak pernah ingat pun soal pencen saya, itu sebabnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh jadi Tuan Rahim tidak ingat pun tentang duit tidak?

**Tuan Rahim bin Baba:** Tidak, ingat duit, itu sebab saya berkira ini. Saya bawa calculator untuk kira perkara ini supaya saya tidak terbabas ataupun sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita hendak mendapat return daripada investment kot!

**Tuan Rahim bin Baba:** Tidak, daripada KWSP saya, sebab saya pun ada, saya ingat-ingat dalam RM169,000 - itu sebabnya saya cukup concerned. Apabila saya dengar KWSP hendak melabur di Bakun, orang ini pinjam duit KWSP, saya terasa duit saya sudah kena pinjam. Ini entah hangus, entah apa besok, itu yang sara risau, bukan duit saya sahaja, duit Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen pun ada juga.....

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya tidak banyak.

**Tuan Rahim bin Baba:** Duit pun tidak banyak tetapi yang lain-lain pun banyak juga duit di sini, inilah masalahnya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang ini, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang pada hari Isnin akan datang.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***